Fatwa-fatwa Penting Tentang Sembahyang
Oleh Sheikh Abd. Aziz Bin Abdullah Bin Baz

1. [b]Sesetengah orang didapati telah melakukan sembahyang fardu tanpa apa-apa tutup yang menutupi kedua bahunya, khasnya pada hari-hari pada bulan Haji di tengah-tengah menunaikan ihram. Bagaimanakah hukumnya? [/b]

   JAWAB: Sekiranya terpaksa memang tidak terdapat apa-apa benda untuk menutupinya, (yang barangkali kerana adanya sesuatu halangan) maka hukumnya tidak apa-apa. Ini berdasarkan firman Allah swt: 'Maka bertaqwalah kamu semua seberapa yang mampu.' [Surah At-Taghabun:16].

   Dan juga berdasarkan sabda baginda Nabi (s) kepada Jabir bin Abdullah ra: Daripada Sahabat Abdullah RA. : 'Jika pakaian itu cukup (luas) , maka hendaklah berselimut dengannya, dan jika ia tidak cukup maka memadailah menyarungkannya.' [Muttafaqun `alaih]

   Adapun sekiranya ada kemampuan dan keupayaan untuk menutupi kedua bahu atau salah satunya, maka wajiblah baginya menutupi kedua bahunya atau salah satunya. Ini mengikut qaul (pendapat) yang paling sahih di kalangan ulama'. Maka jika ia tidak berbuat demikian hukum salatnya tidah sah. Ini kerana telah pun terdapat hadis Nabi (s) sebagai berikut, ertinya: 'Janganlah salah seorang di antara kamu bersembahyang dengan mengenakan satu (pasang) pakaian yang mana tidak ada apa-apa (tutup) di atas bahunya'. [Muttafaqun `alaih]

2. [b]Apakah hukumnya, sekiranya telah jelas bahawa sembahyang telahpun tamat padahal ianya tidak menghadap qiblat, tetapi ia telahpun berijtihad (berusaha untuk mengetahuinya)? Adakah di sana terdapat sebarang perbezaan antara (keberadaan) seseorang itu di negeri Islam, negeri kafir atau ia berada di tengah hutan / padang? [/b]

   JAWAB: Jika seseorang muslim berada dalam keadaan berpergian atau di dalam satu wilayah yang sudah mendapatkan orang yang boleh memberikan tunjuk arah qiblat maka sembahyangnya adalah sah. Itupun dimestikan sudah melakukan ijtihad lebih dahulu bagi mendapatkan arah yang lebih mendekati ke arah qiblat dan ternyata ia telah sembahyang menghadap ke lain arah qiblat. Adapun sekiranya ia berada di dalam wilayah negara Islam maka sembahyangnya tidak sah. Ini kerana dia masih berkemungkinan besar untuk bertanya seseorang bagi menunjukkan arah qiblat. Seperti mana masih adanya kemungkinan besar berpandukan kepada beberapa masjid.

3. [b]Kami banyak mendengar ramai di kalangan manusia melafazkan niat sebaik sahaja memulakan sembahyang, bagaimana hukumnya? Adakah ia mempunyai sebarang asal yakni dalil di dalam hukum syara`? [/b]

   JAWAB: Tiada apa-apa asal dalil bagi melafazkan niat ketika memulakan sembahyang mengikut hukum syara` yang murni, dan ia juga tidak didapatinya, dihafal atau didengar dan Nabi (s) dan juga para sahabat (r). Sesungguhnya tempat niat itu adalah di dalam hati. Ini berdasarkan hadith Nabi (s): 'Sesungguhnya (sahnya) segala amal itu adalah dengan niat, dan sesungguhnya segala sesuatu itu berpulang kepada apa-apa yang diniatkan.' [Al-Bukhari, Muslim] hadith Amirul Mukminin Umar bin Khattab (r).

4. [b]Terdapat seseorang telahpun luput atau terlepas sembahyang Zuhur, misalnya. Kemudian ia baru ingat padahal ketika itu sedang masuk salat Asar. Adakah orang tersebut terus sahaja mengikuti sembahyang jemaah dengan niat salat Zuhur sendirian lebih dahulu kemudian baru sembahyang Asar? (Dalam kaitannya dengan perkara di atas), apakah maksud qaul (pendapat) ulama' yang berbunyi, 'Sekiranya seorang itu takut terlepas (luput) dan waktu (salat yang hadir) maka jadi gugurlah tertibnya'? [/b]

   JAWAB Mengikut syara' bagi orang yang baru ingat (terhadap salat yang telah terlepas) seperti pada soalan di atas adalah hendaklah ia bersembahyang jemaah yang telab didirikan tersebut dengan berniatkan salat Zuhur. Kemudian barulah ia menunaikan salat Asar (setelah berjemaah tersebut). Ini kerana adanya ketentuan tertib (di dalam sembahyang). Dan masalah tertib itu tidak dapat gugur hanya dengan adanya kekhuatiran terlepasnya jemaah.

Adapun pendapat fuqaha' semoga Allah (s) merahmati mereka yang mengatakan bahawa sekiranya takut terlepasnya waktu salat yang hadir maka menjadi gugurlah tertib adalah, 'bahawasanya sesiapa mempunyai kewajipan sembahyang yang telahpun terlepas, maka hendaklah ia menggantikannya sebelum melakukan sembahyang yang wajib ditunaikan pada saat itu (salat hadir)'. Bagaimanapun, jika telah sangat mendesak waktu salat hadir tersebut maka hendaklah ia menunaikan salat hadir itu terlebih dahulu. Contohnya, 'seseorang terluput dan melakukan salat Isya' dan ia baru ingat pada saat hampir terbit matahari, (padahal) ia juga belum menunaikan salat Subuh'. Yang demikian itu maka hendaklah ia mendahulukan salat Subuh selagi belum terlambat waktunya. Ini kerana waktunya telahpun semakin suntuk. Kemudian barulah (mengganti) salat Isya' yang terluput di atas.

5. [b]Bagaimana hukum salat di dalam masjid yang mana di dalamnya terdapat satu kubur (maqam), atau ia terletak di halaman atau arah qiblatnya? [/b]

JAWAB: Jika di dalam masjid itu terdapat sebuah kubur, maka salat di dalamnya adalah tidak sah. Sama ada kubur itu terletak di sebelah muka musalli atau di belakangnya, atau di arah kanan ataupun kirinya mereka. Ini berdasarkan hadith Nabi (s) seperti berikut: 'Allah (s) melaknati orang Yahudi dan Nasrani yang telah menjadikan kubur-kubur nabi mereka sebagai masjid.' [Al-Bukhari, Muslim]

Dan juga berdasarkan sabda Nabi (s) seperti berikut: 'Ingat! Sesungguhnya orang-orang sebelum kamu telah pun menjadikan kubur nabi-nabi mereka dan juga kubur-kubur orang soleh mereka sebagai masjid. Ingatlah! Maka janganlah kamu semua menjadikan kubur-kubur sebagai masjid-masjid, maka sesungguhnya aku melarang kamu semua dari berbuat demikian.' [Muslim]

Lagi pula, sesungguhnya sembahyang di sisi kuburan adalah merupakan penyebab dan menjadi perantara dari perbuatan syirik dan melebih-lebihkan terhadap ahli kubur. Dengan demikian maka wajiblah mencegah perbuatan tersebut demi mengamalkan dua hadith di atas serta bagi mengelakkan dan merebaknya perbuatan syirik.

6. [b]Ramai para pekerja melewat-lewatkan sembahyang Zuhur dan Asar sebingga malam dengan alasan mereka sangat sibuk dalam urusan kerja, atau kerana pakaian mereka terkena najis atau kotor. Maka bagaimana pendapat Tuan terhadap mereka? [/b]

JAWAB: Seorang muslim atau muslimah tidak harus melewat-lewatkan masa sembahyang fardu sehingga terluput dari waktunya. Sebaliknya wajib ke atas muslim dan muslimah yang telah mukallaf untuk menunaikan sembahyang tepat pada waktunya selagi ianya berkemampuan.

Segala jenis pekerjaan tidak dapat menghalang bagi membolehkannya untuk melewatkan salat. Demikian juga tentang najisnya pakaian atau kerana kotornya tidak boleh dijadikan alasan atau uzur bagi melewatkannya.

Adapun bagi masa untuk sembahyang, wajiblah ia diasingkan yakni diperuntukkan khas dan sebarang jenis kerja. Bagi seorang pekerja pula, ia wajib membasuh pakaiannya dari najis atau menggantinya dengan pakaian yang suci pada saat telak masuknya waktu sembahyang. Adapun mengenai pakaian yang kotor, maka sama sekali ia tidak boleh menjadi faktor penghalang bagi menunaikan sembahyang selagi ia tidak terkena sebarang najis atau berbau sangat busuk yang boleh menyakitkan musallin (orang-orang yang sembahyang). Sekiranya bau pakaian yang kotor tersebut boleh mengganggu orang lain yang sama sembahyang, maka wajiblah bagi orang yang berkenaan untuk membasuhnya sebelum mengerjakan sembahyang atau menukarnya dengan pakajan yang lain yang bersih dan suci kemudian barulah ia menunaikan sembahyang dengan berjemaah.

Bagi seorang yang mempunyai uzur seperti kerana sakit atau bermusafir, maka harus baginya untuk menjama` (mengumpulkan) antara salat Zuhur dan Asar di dalam salah satu waktu dari keduanya. Demikian juga halnya antara salat Maghrib dengan Isya'.

Demikian halnya telahpun sahih terdapat satu hadith daripada Nabi (s) tentang keharusan untuk mengumpulkan (dua salat di atas) pada waktu hujan lebat atau hujan lumpur (salji) yang boleh membawa kesulitan ke atas manusia.

7. [b]Terdapat seseorang mendapati satu najis pada pakaiannya setelah salam di dalam sembahyang, adakab ia wajib mengulangi sembahyang tersebut? [/b]

JAWAB: Sesiapa tengah menunaikan sembahyang dan pada badan atau pakaiannya terdapat suatu najis serta ia baru mengetahuinya setelah sembahyang tamat, maka salatnya adalah tetap sah mengikut pendapat ulama' yang paling kuat. Begitu juga sekiranya pada mulanya ia telab menyedari kemudian ia lupa akan hal itu pada waktu mengerjakan sembahyang dan ia baru menyedarinya lagi setelah sembahyang tamat, maka salatnya tetaplah sah. lni berdasarkan firman Allah (s) sebagai berikut: 'Ya Tuhanku, janganlah Engkau ambil kira (Engkau azab) kami sekiranya kami lupa dan tersilap'. [Al-Baqarah 2:286] Maka Allah pun berkata: 'Kami telahpun berbuat'.

(Demikian lagi) telahpun didapati satu hadith sahih dari Nabi (s) bahawa sesungguhnya baginda (s) pada suatu hari melakukan sembahyang dan pada kasutnya baginda terdapat suatu kotoran (najis) kemudian Jibrail memberitahukan perkara tersebut dan Nabi (s) pun menanggalkannya serta tetaplah Nabi (s) ke atas sembahyangnya dalam erti kata baginda tidak mengulanginya. Ini adalah salah satu daripada kemudahan Allah (s) ke atas hambaNya.

Adapun bagi orang yang sembahyang dan ia terlupa bahawa dirinya dalam keadaan berhadas, maka mestilah ia mengulangi sembahyang tersebut. Ini adalah mengikut kesepakatan para ulama'. lni kerana terdapat satu hadith Nabi (s) sebagai berikut: 'Tidak diterima salat (seseorang) tanpa adanya kesucian, dan juga (tidak diterima) bersedekah dari satu (hasil) penipuan (atau) pengkhianatan'. [Muslim]

Dan juga kerana sabda Nabi (s) sebagai berikut: 'Tidak akan diterima sembahyang dari salah satu di antara kamu jika dalam keadaan hadas sehinggalah ia berwudu'.' [Al-Bukhari, Muslim]

8. [b]Ramai orang yang sakit mengambil mudah terhadap sembahyang dengan katanya, 'Kalau saya sembuh nanti maka saya akan mengqada sembahyang', dan ada sesetengahnya berkata, 'Bagaimana saya boleh mengerjakan sembahyang, sedangkan saya tidak boleh melakukan taharah (bersuci) dan menghilangkan najis? Bagaimanakah cara mengatasinya? [/b]

JAWAB: Sakit tidak dapat dijadikan alasan untuk meninggalkan salat dengan sebab tidak boleh melakukan taharah selagi akal masih lagi berfungsi (waras). Sebaliknya orang yang sakit masih tetap mengerjakan sembahyang seberapa mampu yang mungkin. Hendaklah ia bersuci dengan menggunakan air sekiranya mampu. Jika tidak, maka bolehlah ia bertayammum dan seterusnya mengerjakan sembahyang. Dan wajib ke atasnya untuk menghilangkan najis yang ada pada badan dan pakaiannya sebaik sahaja telah masuk waktu atau menggantikan pakaian yang kena najis itu dengan pakaian yang suci sebaik sahaja waktu salat telah masuk. Sekiranya ia tetap tidak kuasa menghilangkan najis dan juga menggantikan pakaian yang suci maka gugurlah perkara itu dan seterusnya hendaklah ia sembahyang mengikut kemampuan yang ada. Ini berdasarkan firman Allah:

'Maka bertaqwalah kamu semua seberapa mampu yang mungkin.' [Al-Taghabun:16]

Dan juga berdasarkan sabda Baginda Nabi (s) seperti berikut:

'Bila aku memerintahkan suatu perkara kepadamu maka tunaikanlah sekuat kemampuan yang ada padamu'. [Al-Bukhari, Muslim]

Dan juga berdasarkan sabda baginda Nabi (s) kepada Amran bin Husain (r) sebaik sahaja ia mengadukan atas kesakitannya kepada baginda (s) sebagai berikut:

'Salatlah kamu dengan berdiri, jika tidak mampu maka dengan duduk, dan jika tidak mampu maka salatlah dengan berbaring'. [Al-Bukhari]

Juga diriwayatkan oleh Al-Nasai dengan sanad yang sahih serta beliau menambah dengan kata-kata:

'Jika kamu masih tidak mampu lagi maka (salatlah) dengan terlentang.'

9. [b]Sesetengah orang berpendapat jika tidak dilaungkan azan pada permulaan masuknya waktu, maka telahpun tidak diperlukan lagi untuk melaungkan suara azan, kerana azan adalah sebagai pemberitahuan terhadap masuknya waktu salat. Apakah pendapat Tuan yang mulia akan hal ini? Dan adakah disyariatkan melakukan azan juga kepada orang yang mengerjakan salat bersendirian di dalam hutan? [/b]

JAWAB: Jika seorang tukang azan (muazzin) tidak melaungkan azan pada permulaan masuknya

waktu, maka ke atasnya tidak disyariatkan mengucapkannya pada waktu-waktu sesudahnya. Ini sekiranya selain dia di dalam tempat itu masih ada orang yang berkebolehan melaungkan azan lagi (sehingga) telahpun tercapai maksud yang dikehendaki. Jika hanya lewat untuk sedikit masa, maka tidak ada sebarang halangan untuk melaungkan azan. Adapun seandainya di dalam suatu daerah tersebut tidak didapati orang (yang boleh) azan selain dia maka wajib ke atasnya untuk melaungkan azan sekalipun waktu (sembahyang) sudah terlampau lewat. Kerana dalam keadaan yang demikian azan telahpun menjadi fardu kifayah, yang ianya belum ditunaikan oleh mana-mana orang selain dia, oleh itu azan tersebut menjadi wajib ke atasnya. Lagipun (biasanya) hal tersebut akan menjadi isu (tanda tanya) kepada masyarakat kerana mereka sentiasa menunggu suara azan.

Adapun bagi seorang musafir, maka ia tetap disyariatkan azan walaupun ia akan mengerjakan sembahyang secara bersendirian. Ini berdasarkan hadith sahih dari sahabat Abi Said (r): Sesungguhnya Nabi (s) bersabda kepada seorang lelaki sebagai berikut: 'Jika engkau berada dalam padang (pengembalaan) kambing dan dalam padang belantara maka kuatkanlah suaramu dengan panggilan azan. Kerana sesungguhnya sepanjang suara muazzin itu (bergema), jin, manusia atau apa sahaja tiada mendengarnya kecuali ia akan menjadi saksi pada hari Kiamat'.

10. [b]Adakah disyariatkan bagi orang perempuan untuk melaungkan azan dan iqamah, sama ada di dalam rumah dengan bersendirian atau di dalam padang belantara (secara bersendirian) ataupun di dalam suasana berjemaah? [/b]

JAWAB: Bagi orang perempuan tidak disyariatkan untuk melaungkan azan dan juga iqamah sama ada dalam rumah, atau sedang berpergian. Sesungguhnya azan dan iqamah hanyalah khas untuk kaum lelaki sahaja. Hal ini seperti mana yang telah ditunjuk ajar oleh hadith-hadith sahih daripada Nabi Muhammad (s).

11. [b]Jika (seseorang itu) lupa melakukan iqamah dan ia terus mengerjakan sembahyang, maka adakah ianya mempunyai apa-apa kesan ke atas sembahyangnya sama ada secara bersendirian atan berjemaah? [/b]

JAWAB: Jika seseorang itu sembahyang dengan bersendirian atau berjemaah dengan tanpa mengerjakan iqamah, maka salatnya tetaplah sah dan wajib ke atas seseorang yang telah berbuat demikian bertaubat segera kepada Allah (s).

Demikian halnya, sekiranya mereka sembahyang dengan tanpa mengumandangkan azan, maka salat tersebut tetaplah sah. Ini kerana azan dan iqamah tersebut hanyalah tergolong fardu kifayah dan kedua-duanya adalah terkeluar daripada syarat dan rukun sembahyang.

(Bagaimanapun) ke atas orang yang telah meninggalkan keduanya wajiblah segera bertaubat kepada Allah (s), kerana sesungguhnya fardu kifayah itu adalah satu kewajipan yang bersifat kolektif di mana semua lapisan masyarakat Islam akan berdosa semuanya sekiranya tidak ada seorangpun yang melakukannya, dan ia akan gugur setelah dikerjakan oleh salah seorang dan mereka. Termasuk dari perkara tersebut adalah azan dan iqamah. (Jadi) jika keduanya telah ditunaikan oleh salah seorang yang layak maka telah gugurlah kewajipan tersebut dan telah gugur pula dosa dari orang yang lainnya sama ada mereka yang dalam keadaan di rumah atau dalam suasana berpergian, sama ada mereka di kampung atau di bandar, atau di padang (pedalaman). Marilah kita memohon agar Allah (s) memberikan petunjuk kepada sekalian kaum muslimin kepada apa-apa yang diredai.

12. [b]Manakah dalil (dasar hukum) dari ucapan muazin pada salat Subuh (dengan tambahan): 'Al-salatu khairun mina al-naum.' ('salat itu lebih baik daripada tidur.')

Dan apakah pandangan Tuan terhadap orang yang mengucapkan: 'Hayya `ala khairi al-`amal.' ('Marilah ke arah sebaik-baik pekerjaan.')? Adakah ianya mempunyal sebarang dalil? [/b]

JAWAB: Telahpun didapati satu hadith daripada Nabi (s) sesungguhnya Baginda (s) memerintahkan kepada sahabat Bilal dan Abu Mahdurah untuk (mengucapkan) ucapan tersebut di dalam azan Subuh. Dan juga telah sampai satu sunnah daripada Anas (r) bahawasanya ia berkata, 'Setengah daripada (perkara) sunnah itu adalah ucapan muazin: 'Al-salatu khairun mina al-naum.' pada azan Subuh.' Hadith ini dikeluarkan oleb Ibnu Huzaimah di dalam kitab sahihnya.

Kalimat ini diucapkan pada waktu panggilan azan Subuh mengikut pendapat ulama' yang paling kuat dan ianya juga dinisbatkan sebagai azan yang pertama terhadap iqamat, kerana iqamat itu

dinisbatkan sebagai azan yang kedua. (Hal ini) sebagaimana dikatakan oleh Nabi (s) dalam satu hadith sebagai berikut: 'Di antara dua azan (terdapat) satu sembahyang (sunat).' [Al-Bukhari daripada Aishah]

Adapun sebutan sesetengah golongan Syiah dalam azan dengan bacaan tersebut iaitu 'Hayya `ala khairi al-`amal.' adalah bid`ah belaka dan tidak mempunyai sebarang asal dan dalil sama sekali. Marilah kita mohon agar Allah memberikan petunjuk kepada mereka dan juga kepada sekalian kaum muslimin agar benar-benar boleh mengikuti sunnah Rasul dan juga berpegang teguk ke atasnya. Ini kerana demi Allah hanya denganNyalah satu-satunya jalan selamat (bagi) menyelamatkan sekalian umat.

13. [b]Ramai orang sangat bersungguh-sungguh yakni terlalu mengambil berat tentang satir pembatas sehingga ada sesetengahnya menunggu adanya pembatas di dalam suatu masjid yang ketika itu tidak didapati sebarang tiang. (Malah) sebahagian orang lagi ada mengengkari terhadap orang yang tidak menghadap satir (ketika mengerjakan sembahyang). [/b]

Sesetengah orang pula terlalu memandang remeh dan mengambil mudah terhadap rnasalah satir pembatas. Maka, mana satukah yang betul? Adakah satu garisan itu telah memadai yakni dianggap mencukupi terhadap kedudukan satir pembatas ketika ianya tidak wujud? Dan adakah terdapat apa-apa dalil yang menerangkan perkara tersebut?

JAWAB: Sembahyang menghadap ke arah satir pembatas adalah sunat hukumnya, yakni tergolong sunat muakkad. Bagaimanapun, ia bukanlah diwajibkan. Dan jika tidak didapati sebarang benda yang boleh ditancapkan maka satu garisan itu telab pun dianggap mencukupi. Adapun dalilnya adalah hadith Nabi (s) berikut: 'Jika salah seorang di antara kamu mengerjakan sembahyang maka hendaklah menghadap ke arah satir pembatas dan dekat dengannya.' [Abu Daud dengan sanad yang sahih]

Dan juga berdasarkan hadith Nabi (s) yang lain sebagai: '(Tiga perkara) yang dapat merosakkan salat seseorang jika keberadaannya tanpa menggunakan satir pembatas (sempadan) iaitu perempuan, khimar dan anjing hitam.' [Muslim]

Dan juga berdasarkan hadith Nabi (s) sebagai berikut: 'Jika salah seorang di antara kamu sedang sembahyang maka hendaklah ia meletakkan sesuatu di (kawasan) tempat sujud, jika tidak didapatinya maka hendaklah menancapkan satu tongkat, jika ianya tidak didapati juga hendaklah ia membuat satu garisan (ini agar) ia tidak terganggu oleh orang yang lalu di hadapannya.' [Ahmad, Ibnu Majah dengan sanad yang hasan].

Al-Hafiz Ibnu Hajar memberikan komentar atas hadith tersebut di dalam kitab Bulughul Maram sebagai berikut 'Telahpun sampai satu berita dan Rasulullali (s) bahawasanya Baginda (s) suatu ketika telah mengerjakan sembahyang tanpa menghadap ke arah sebarang satir. (Dengan demikian) maka menunjukkan bahawa satir itu adalah tidak wajib. (Demikian juga) dikecualikan lagi dari hukum di atas (yakni hukum sunat muakkad menggunakan satir) adalah salat di dalam Masjidil Haram. Adapun seorang yang sembahyang di dalam Masjidil Haram tidak memerlukan adanya satir itu kerana telahpun sampai satu riwayat dari Ibnu Zubair (r) bahawasanya ia telah sembahyang di dalam Masjidil Haram tanpa menghadap ke arah sembahyang satir dan dalam keadaan yang sama terdapat ramai orang yang sedang melakukan tawaf di hadapannya. (Demikian juga) terdapat satu riwayat dan Rasulullah (s) yang menunjukkan perkara di atas (yakni tidak perlunya satir ketika sembahyang di Masjidil Haram), tetapi sanadnya adalah daif.'

Dan (memandangkan) bahawa Masjidil Haram adalah dijangka selalu dalam suasana berdesak-desakan, tambahan pula tidak adanya kemampuan serta tidak dapat mengelakkan dan (orang-orang) yang lalu-lalang di hadapan orang yang sedang sembahyang maka gugurlah hukum di atas (yakni kesunatan menggunakan satir). Semua ini sejurus dengan firman Allah (s) sebagai berikut: 'Maka bertaqwalah kepada Allah (s) sekuat kemampuan (yang ada pada kamu semua).' [Surah At-Taghabun:16]

Dan juga berdasarkan sabda baginda Rasulullah (s) sebagai berikut: 'Jika aku memerintahkan suatu perkara kepada kamu semua maka tunaikanlah ia sekuat kemampuan (yang ada pada diri kamu).' [Al-Bukhari, Muslim]

14. [b]Ramai orang memandang berat ke atas duduk istirahat dan ia sangat engkar terhadap orang yang meninggalkannya. Apakah hukumnya (duduk istirahat), dan adakah ia juga disyariatkan ke atas imam dan makmum sebagaimana disyariatkannya ke atas orang yang sembahyang sendirian? [/b]

JAWAB: Duduk istirahat adalah sangat digalakkan ke atas imam, makmum dan juga orang yang salat sendirian. Duduk istirahat adalah sejenis duduk di antara dua sujud. Duduk itu tempohnya sangatlah sebentar dan tidak disyariatkan membaca apa-apa doa atau sebarang jenis zikir. Sesiapa yang meninggalkannya tidaklah berdosa.

Adapun hadith (yang menerangkan perkara tersebut) adalah hadith yang telah sampai dari baginda (s) dan hadith (yang diriwayatkan) oleh Malik Huwairis dan Abi Humaid As-Saadiji dan juga segolongan jemaah dan para sahabat (r).

15. [b]Bagaimanakah cara seorang muslim mengerjakan salat ketika berada di dalam kapal terbang? Adakah ia lebih utama menunaikannya pada awal waktu (ketika berada di dalam kapal terbang), atau ia menunggu hingga tiba di lapangan terbang sekiranya ia akan sampai pada akhir waktu sembahyang? [/b]

JAWAB: Adalah wajib ke atas orang Muslim ketika berada di dalam kapal terbang untuk menunaikan sembahyang sebaik sahaja waktu telah masuk dengan seberapa mampu yang mungkin. Jika ia mampu menunaikannya dengan berdiri kemudian ruku` dan sujud, maka hendaklah ia berbuat demikian. Jika tidak mampu maka hendaklah ia sembahyang dengan duduk dan menundukkan kepala ketika ruku` dan sujud. Jika ia menemui satu tempat di dalam kapal terbang yang membolehkan ia berdiri dan sujud di atas lantai sebagai ganti dan menundukkan kepala, maka baginya wajib berbuat demikian. Ini berdasarkan firman Allah (s) dalam surah At-Taghabun yang ertinya: 'Maka hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah sekuat kemampuan.' [Surah At-Taghabun:16]

Dan juga berdasarkan hadith Nabi (s) sebagai berikut: 'Sembahyanglah dengan berdiri, jika tidak mampu, sembahyanglah dengan duduk dan jika tidak mampu tunaikan dengan berbaring.' [Al-Bukhari]

An-Nasa'i juga meriwayatkannya dengan sanad yang sahih serta dengan tambahan yang ertinya: 'Jika kamu masih tidak mampu maka tunaikanlah dengan terlentang.' Hadith ini diucapkan oleh baginda Rasul (s) kepada sahabat Imran bin Husain di kala ia sedang sakit. Adapun yang lebih utama bagi orang Muslim tersebut adalah tetap sembahyang pada awal waktu. Jika ia melewatkannnya sehinggalah pada akhir waktu kerana akan sampai ke destinasi di daratan maka hukumnya adalah harus berdasarkan dalil-dalil secara umum. Adapun kereta, keretapi, kapal laut dan lain-lain adalah sama dengan kapal terbang di dalam segi hukumnya.

16. [b]Ramai orang didapati banyak bergerak atau sengaja bermain-main ketika sedang mengerjakan sembahyang. Adakah terdapat ketentuan (yakni garis panduan) tentang jenis gerakan tersebut sehingga ia boleh membatalkan sembahyang ? Adakah dalil yang menerangkan bahawa bergerak 3 kali dengan berterusan adalah membatalkan sembahyang? Apakah nasihat Tuan kepada orang yang banyak bergerak atau bermain-main ketika sedang mengerjakan sembahyang? [/b]

JAWAB: Adalah wajib hukumnya bagi seorang mu'min dan mu'minah untuk bertenang (tuma'ninah) di dalam mengerjakan sembahyang. Demikian juga ia wajib mengelakkan dari banyak bergerak atau bermain-main. Ini kerana tuma'ninah adalah salah satu rukun dalam sembahyang berdasarkan beberapa hadith yang terdapat di dalam kitab Bukhari dan Muslim sebagai berikut: 'Sesungguhnya baginda (s) menyuruh kepada seseorang yang tidak bertenang (tidak tuma'ninah) di dalam salat agar ia mengulanginya semula'.

(Demikian juga) wajib ke atas setiap muslim dan muslimat untuk khusyu` di dalam sembahyang dengan sepenuh perhatian dan menghadirkan hati ke hadapan Allah (s). Ini berdasarkan firman Allah (s) sebagai berikut: 'Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman, iaitu orang-orang yang khusyu` dalam sembahyang.' [Al-Mu'minun:1-2].

Adalah makruh hukumnya bermain-main (yakni memegang-megang) baju atau janggutnya atau apa saja. Jika ia terlalu banyak (dalam bermain-main atau memegang-megang sesuatu) serta berterusan maka hukumnya adalah haram sepanjang pengetahuan saya serta ia boleh membatalkan salat.

Adalah tidak didapati apa-apa ketentuan tentang jumlah gerakan seperti di atas. Adapun pendapat yang mengatakan tentang gerakan tiga kali atau lebih yang berterusan sehingga membatalkan sembahyang, maka hal itu adalah satu pendapat yang sangat lemah dan tidak mempunyai sebarang dasar hukum (dalil). Adapun yang jelas telah muktamad adalah satu

keadaan di mana musalli (orang yang sembahyang) itu sendiri dalam (perasaannya) bahawa ia yakin telah bergerak atau bermain-main yang banyak kali. (Dalam pada itu) seandainya seorang musalli telah yakin bahawa ia telah banyak bermain atau bergerak dan berterusan maka wajiblah ia mengulang semula sembahyangnya sekiranya salat itu adalah salat fardu. Dan ia juga wajib bertaubat ke atas perbuatannya tersebut. Adapun nasihat saya kepada semua muslimin dan muslimat hendaklah menjaga dan memelihara salat (dengan sebaik-baiknya) dan khusyu` dalam mengerjakannya serta mestilah meninggalkan sebarang pergerakan sekalipun sangat kecil. Ini memandangkan bahawa salat adalah satu pekerjaan yang sangat terhormat dan mulia serta ianya adalah merupakan tiang agama yang juga sepenting-penting rukun Islam setelah mengucapkan dua kalimah syahadah. (Dan yang paling penting) adalah bahawa ia merupakan amal yang pertama kali dihisab pada hari Kiamat kelak. Semoga Allah memberikan petunjuk ke atas sekalian kaum muslimin (dalam) menunaikan sembahyang dengan cara yang diredai oleh Allah (s).

17. [b]Manakah yang lebih utama, meletakkan kedua lutut lebih dahulu sebelum kedua tangan ketika turun untuk sujud atau sebaliknya? Adakah terdapat kesesuaian antara dua hadith yang menerangkan tentang perkara tersebut? [/b]

JAWAB: Adalah disunatkan bagi seorang musalli ketika hendak merebahkan diri tatkala sujud untuk meletakkan kedua lututnya lebih dahulu dan baru disusuli dengan kedua tangannya. Ini sekiranya ia berkemampuan (untuk berbuat demikian) mengikut pendapat yang paling sahih di kalangan ulama', kerana berdasarkan hadith Wail bin Hujrin (r) dan juga hadith-hadith yang lain.

Adapun hadith yang diriwayatkan dan Abu Hurairah itu pada hakikatnya tidak bercanggah dengan (hadith di atas) bahkan ia saling bersesuaian. Ini kerana Nabi (s) melarang seseorang yang sembahyang dan merebahkan diri (ketika) sujud menyerupai rebahnya seekor unta. Seperti mana dimaklumi, bahawa orang yang mendahulukan kedua tangannya pada saat sujud adalah menyerupai anak unta. Adapun ucapan Nabi (s) pada akhir (hadith itu) yang berbunyi: 'Hendaklah ia meletakkan kedua tangannya lebih dahulu sebelum kedua lututnya', maka yang lebih (mendekati) kebenaran adalah bahawa pernyataan tersebut adalah didapati terbalik (susunan ayatnya). Adapun yang tepat adalah, 'Hendaklah ia meletakkan kedua lutut terlebih dahulu sebelum kedua tangannya'. Dengan demikian maka akan menjadi sesuailah hadith-hadith itu dan akan sesuai pula antara pernyataan yang terdapat pada akhir dan awalnya hadith tersebut. Oleh yang demikian maka akan hilanglah sebarang percanggahan di antara hadith-hadith di atas. (Keterangan sedemikian) telahpun diterangkan oleh Al-`Allamah Ibnu Qayyim Al-Jawziyah di dalam kitabnya yang bertajuk Zaadul Ma`ad.

Bagi seseorang yang terpaksa tidak mampu untuk mendahulukan lututnya kerana sakit atau lanjut usia maka ia tidak ada apa-apa halangan (dosa) sekiranya mendahulukan kedua tangannya lebih dahulu berdasarkan firman Allah: 'Maka bertaqwalah kamu kepada Allah sekuat kemampuan'. [At-Taghabun:16]

Juga berdasarkan hadith Nabi yang bermaksud: 'Sebarang perkara yang aku larang dan melakukannya maka jauhilah ia, dan apa-apa yang aku suruh maka lakukanlah sekuat kemampuan yang ada'. [Al-Bukhari, Muslim]

18. [b]Apakah hukumnya (berjalan) melewati hadapan orang yang sedang mengerjakan sembahyang, apakah ianya haram? Adakah perbezaan pendapat dalam perkara tersebut dan apakah yang dimaksudkan (kerana) laluan tersebut dapat membatalkan sembahyang? Dan apakah salat seseorang itu menjadi batal atau mesti diulang semula jika terdapat anjing hitam, atau orang perempuan, atau khimar misalnya yang sedang berlalu melintasi hadapan (orang yang sembahyang)? [/b]

JAWAB: Berlalu di depan orang yang sedang bersembahyang atau di antara musalli dengan satir adalah haram hukumnya. (Hal ini) berdasarkan hadith Nabi (s) sebagai berikut: 'Sekiranya orang yang melintas di hadapan orang yang sedang mengerjakan sembahyang itu mengetahui dosa yang mesti ditanggungnya nescaya ia akan (memilih) berdiri selama 40 hari daripada melintasi hadapan orang yang sedang mengerjakan sembahyang'. [Al-Bukhari, Muslim]

Adalah suatu laluan itu membatalkan salat sekiranya yang melintas tersebut seorang perempuan yang baligh, khimar dan anjing hitam. (Bagaimanapun) laluan dari selain ketiga-tiga perkara tersebut tidak membatalkan sembahyang, tetapi ia mengurangkan pahala salat tersebut. Ini berdasarkan sabda baginda (s) sebagai berikut: 'Akan batal salat seorang muslim jika di sampingnya tiada (benda) yang menyerupai pelana unta (maksudnya adalah satir) (dengan berlalunya) seorang perempuan (baligh), khimar dan anjing hitam'. [Muslim dari sahabat Abi Zar

(r).]

Imam Muslim juga ada mengeluarkan seumpama hadith di atas daripada hadith (yang diriwayatkan) oleh Abu Hurairah (r) tetapi tidak dihadkan ke atas anjing hitam sahaja. Adapun mengikut pendapat ahlul ilmi (para pakar ilmu hadis) kemutlaqannya bergantung kepada perkara yang menjadi garis batasan (Al-Muqayyad).

Adapun melintasi (kawasan hadapan) orang sembahyang di Masjidil Haram adalah tidak haram. Dan ia juga tidak menyebabkan terbatalnya salat (seseorang) (sama ada) yang lalu tersebut 3 jenis di atas ataupun yang lain. Hal ini disebabkan kerana adanya suasana yang terlalu berdesak-desakan dan amat sukar mengelakkan dan melintasi (kawasan) hadapan orang sembahyang. Adalah telah didapati satu hadith yang menjelaskan tentang perkara itu tetapi lemah. Bagaimanapun, ia disokong dan diperkuat oleh beberapa athar danpada Ibnu Zubair dan laln-lainnya. (Sungguh pun demikian) (ketidak haraman) tersebut mestilah disebabkan oleh suasana berdesak-desakan yang teramat sangat dan sukarnya mengelakkan dan melintasi (kawasan tersebut) sepertimana telah dijelaskan di atas. Begitu juga masih dalam kategori (hukum ini, yakni tidak haram dan tidak membatalkan salat) (sekiranya ia berlaku) di Masjid Nabawi dan lain-lain masjid yang penuh suasana berdesak-desakan dan sukar mengelakkan dan melintas (kawasan larangan tersebut). lni di dasarkan ke atas firman Allah dalam Surah At-Taghabun, ayat 16 yang bemaksud, 'Dan takutlah kamu kepada Allah (s) sejauh mana kamu dapat melakukan'.

Juga berdasarkan firman Allah sebagai berikut: ''Allah tidak membeban ke atas individu di luar batas kemampuannya'. [Surah Al-Baqarah: 286].

Dan juga berdasarkan sabda baginda Nabi (s) seperti berikut: 'Semua perkara yang telah aku larang maka hendaklah kamu menjauhinya dan apa yang aku perintahkan kepadamu maka hendaklah kamu lakukan sekuat kemampuan'. [Al-Bukhari, Muslim]

19. [b]Apakah pendapat Tuan yang mulia tentang mengangkat tangan ketika memanjatkan doa setiap kali selepas sembahyang? Adakah di sana terdapat perbezaan antara salat fardu dan salat sunat? [/b]

JAWAB: Mengangkat tangan ketika memanjatkan doa hukumnya sunat dan merupakan salah satu sebab doa itu akan dikabulkan. lni berdasarkan sabda Nabi (s): ''Sesungguhnya Tuhanmu adalah zat yang malu dan mulia, Dia berasa malu kepada hamba-Nya jika (terdapat hamba) yang mengangkat kedua tangannya, kepadanya (sehingga Allah) hanya akan menolak dengan hasil yang sia-sia belaka'. [Abu Daud, Al-Tirmidhi, lbnu Majah dan dianggap sahih oleh Al-Hakim dari hadithnya Salman Al-Farisi.]

(Keterangan tersebut) juga didasarkan atas sabda baginda (s) sebagai berikut: 'Sesungguhnya Allah Ta`ala itu zat yang baik dan tidak menerima (sebarang perkara) kecuali perkara yang baik, dan sesungguhnya Allah memerintahkan orang mu'min dengan apa yang telah diperintahkan kepada Rasul'. Kemudian Allah berfirman sebagai berikut: 'Hai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar hanya kepada-Nya kamu menyembah'. [Al-Baqarah:172]

Dan juga Allah berfirman sebagai berikut: 'Hai Rasul-rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik, dan kerjakanlah amal soleh. Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui terhadap apa yang kamu kerjakan'. [Al-Mu'minun: 51]

Kemudian Nabi (s) ada menceritakan tentang halnya seorang lelaki yang sedang berpergian mengembara dengan rambutnya yang kusut, berdebu (badannya) yang menadahkan kedua tangannya ke arah langit seraya berkata, 'Ya Allah, Ya Allah', (padahal) makanannya adalah haram dan diberikan (makanan) dengan (barang-barang) yang haram, maka bagaimana (permohonannya) tersebut akan dikabulkan oleh Allah? (Maksud hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim.)

Bagaimanapun (terdapat) beberapa (tempat) dan keadaan di mana tidak disyariatkan untuk mengangkat kedua tangan pada zaman Rasulullah (s) seperti ketika setelah sembahyang 5 waktu, di antara dua sujud, (doa) sebelum salam ketika sembahyang, ketika (doa) dibaca sewaktu khutbah Jumaat dan khutbah Hari Raya. Ini kerana Nabi sendiri juga tidak pernah berbuat demikian, (yakni tidak mengangkat tangan) pada masa-masa dan keadaan tersebut. (Tambahan pula) baginda sendirilah yang (patut) dijadikan contoh baik dalam perkara ini. Bagaimanapun, jika (ada tujuan) mengharapkan siraman (yakni mohon turun hujan) di dalam

suatu khutbah Jumaat dan khutbah Hari Raya, ia juga disyariatkan mengangkat kedua tangan seperti mana baginda yang telah berbuat demikian.

Adapun di dalam salat sunat, saya tidak mendapati satu perkara yang melarang dan mengangkat kedua tangan ketika memanjatkan doa sebaik tamat salat sunat tersebut. Ini sejurus dengan (maksud) dalil di atas secara umum. Bagaimanapun, adalah lebih utama tidak mengekalkan berbuat demikian.

Kerana yang demikian ini tidak sabit (yakni) tidak ada ketetapan daripada Nabi (s). Sekiranya ia selalu dikerjakan setiap selepas sembahyang sunat nescaya yang demikian itu mesti diikuti oleh generasi seterusnya. Ini memandangkan para sahabat Rasulullah sentiasa mengikuti dan mencontohi segala ucapan dan perbuatan baginda baik ketika baginda sedang berpergian atau di kala duduk (di rumah) dan segala gerak-gerinya.

Berkenaan dengan hadith masyhur yang menerangkan bahawa Nabi (s) ada bersabda yang bermaksud: 'Salat itu (mestilah) dengan merasa kerdil, rendah diri dan khushu` dan hendaklah kamu mengangkat kedua tanganmu (ketika) mengucap: 'Ya Tuhan, Ya Tuhan,' (yakni ketika berdoa), maka hadith itu adalah daif belaka, seperti mana telah diterangkan oleh Al-Hafiz Ibnu Rajab dan juga oleh ahli-ahli hadith yang lain.

20. [b]Saya mendengar orang ada berpendapat, 'Makruh hukumnya mengusap muka dan (kotoran) debu setelah sembahyang'. Adakah terdapat apa-apa dalil sehubungan dengan perkara tersebut?[/b]

JAWAB: (Pernyataan) di atas tidak mempunyai sebarang dalil sepanjang pengetahuan saya. Sungguhpun begitu, berbuat demikian sebelum salam adalam rnakruh. Kerana telah didapati suatu hadith dari Nabi (s) (yang menjelaskan) bahawa pada sebahagian sembahyang baginda, yakni pada suatu sembahyang Subuh yang bertepatan hujan telahpun ternampak titik-titik air dan debu pada muka baginda. Hal ini menunjukkan bahawa yang paling utama adalah tidak mengusap titik-titik (air/debu) seperti di atas sebelum sembahyang selesai.

21. [b]Apakah hukum berjabat tangan setelab mengerjakan sembahyang? Adakah di sana terdapat sebarang perbezaan antara sembahyang fardu dan sembahyang sunat? [/b]

JAWAB: Pada dasarnya, bersalaman antara kaum muslimin sewaktu berjumpa adalah disyariatkan dalam erti kata sangat digalakkan. Baginda (s) sentiasa bersalaman dengan para sahabatnya setiap kali berjumpa. Demikian juga para sahabat, setiap mereka bertemu akan sentiasa berjabatan tangan antara satu sama lain. Sahabat Anas dan Sa`abi ada berkata, 'Adalah para sahabat Nabi jika mereka bertemu sentiasa berjabat tangan, dan jika mereka bertemu dengan orang yang baru sentiasa berpelukan'.

Juga telah didapati di dalam kitab sahih dua (yakni Bukhari dan Muslim) bahawasanya Talhah bin Ubaidillah yang juga salah satu dari sepuluh orang yang dikhabarkan masuk syurga ada berdiri di samping Nabi (s) di dalam masjid baginda, sahabat Ka`ab bin Malik (r) tatkala ia bertaubat kepada Allah (s), maka lantas ia bersalaman dengan Ka`ab bin Malik sambil mengucapkan tahniah kepadanya ke atas taubatnya tersebut. (Perkara) yang demikian ini adalah satu hal yang sangat masyhur di kalangan sahabat pada zaman Rasulullah (s) dan juga pada zaman-zaman selepas baginda. Terdapat satu hadith daripada Baginda (s): 'Tiada (apa-apa) dosa dari dua orang muslim yang bertemu kemudian saling berjabatan tangan melainkan telah gugur dosa-dosa dan keduanya seperti mana daun-daun (kering) yang berguguran dari pokoknya'.

Adalah digalakkan (dalam erti kata disunatkan) berjabatan tangan ketika bertemu di dalam suatu masjid atau ketika berada dalam barisan (saf sembahyang). Sekiranya telah selesai sembahyang, (sedangkan) belum lagi berjabatan tangan maka hendaklah bersalaman (bila-bila masa) setelah tamat sembahyang. Ini demi merealisasikan ajaran sunnah yang mulia ini. Tambahan lagi, dengan berbuat demikian boleh mengekalkan cinta kasih dan menghilangkan kemarahan serta rasa dendam.

Sekiranya belum lagi berjabat tangan ketika habis sembahyang fardu maka tetap disyariatkan (yakni disyorkan) bersalam-salaman setelahnya, yakni sesudah membaca zikir yang dibenarkan. Adapun apa yang sering dilakukan oleh sesetengah orang dengan bersegera berjabat tangan sebaik sahaja salam yang kedua, maka hal yang demikian ini saya tidak mengetahui dalilnya sama sekali. Tetapi yang jelas, ia adalah makruh kerana tidak didapati apa-apa (dalil) yang menyuruh untuk berbuat demikian. Ini juga disebabkan seorang yang sembahyang itu disyariatkan untuk segera mengamalkan zikir-zikir yang dibenarkan sebaik sahaja tamat

sembahyang seperti mana apa yang selalu dilakukan oleli Nabi setiap selepas salam dan solat-solat fardu.

Adapun dengan kaitannya dengan solat sunat, ia tetap disyariatkan untuk dilaksanakan sebaik sahaja selesai salam.

Ini sekiranya sebelum sembahyang tersebut mereka belum bersalaman, tetapi jika sudah berbuat demikian maka setelah selesai sembahyang tidak lagi diperlukan.

22. [b]Adakah terdapat sebarang dalil yang menerangkan tentang sunatnya berpindah tempat bagi melakukan salat sunat sebaik sahaja selesai sembahyang fardu? [/b]

JAWAB: Sepanjang pengetahuan saya, tiada sebarang hadith sahih yang menjelaskan perkara di atas. Sungguh pun demikian Ibnu Umar (r) dan ramai lagi dari kalangan ulama' salaf ada berbuat demikian. Dan perintah (untuk berbuat demikian) adalah lapang, segala puji bagi Allah. Adalah didapati satu hadith daif yang menerangkan perkara tersebut menurut Imam Abi Daud rahimahullah, dan hal tersebut juga turut disokong dan diperkuat oleh amalan Ibnu Umar dan orang yang juga sama-sama rnengamalkannya dan generasi salaf yang soleh. Wallahu waliyyut taufiq.

23. [b]Terdapat beberapa perbezaan pendapat di kalangan ulama' tentang bacaan (Al-Fatihah) bagi makmum (yang tidak masbuq/terlewat). Manakah satu yang benar? Dan adakah membaca Surah Al-Fatihah itu wajib ke atas makmum yang tidak masbuq? Bilakah masa (yang sesuai) baginya untuk membaca Surah Al-Fatihah sedangkan imam tidak memberikan satu peluang waktu (maknanya imam berhenti sementara waktu) untuk memungkinkan makmum membaca Al-Fatihah? Dan adakah disyariatkan ke atas imam untuk berdiam sebentar setelah membaca Surah Al-Fatihah bagi memberikan peluang masa kepada makmum untuk membaca Surah Al-Fatihah? [/b]

JAWAB: Adalah secara umum, bahawa membaca Surah Al-Fatihah itu hukumnya wajib. Ini berdasarkan hadith yang menerangkan secara umum tentang perkara tersebut seperti berikut: 'Tiada salat bagi orang yang tidak membaca Surah Al-Fatihah.' [Al-Bukhari, Muslim]

Dan juga berdasarkan hadith Nabi (s) sebagai berikut: '(Adakah) kamu semua ada membaca (apa-apa surah / ayat) di belakang imam kalian? Kami pun menjawab, 'Ya', kemudian baginda Nabi bersabda lagi, 'Janganlah kamu semua berbuat demikian kecuali hanya membaca Surah Al-Fatihah, kerana sesungguhnya tiada salat (bagi seseorang) yang tidak membaca Surah Al-Fatihah'. [Ahmad dengan sanad yang sabih.]

Adapun disyariatkan bagi makmum untuk membaca Surah Al-Fatihah pada saat imam berdiam sebentar. Sekiranya imam tidak juga berdiam untuk sementara waktu, maka hendaklah makmum membacanya serentak dengan bacaan imam dan kemudian makmum berhenti dan mendengarkan bacaan imam (yang mungkin di saat itu imam sedang membaca mana-mana surah atau ayat dari Al-Quran, pent).

Sedemikian ini adalah terkecuali dari batasan dalil yang secara umum menjelaskan tentang kewajipan mendengarkan bacaan imam. Bagaimanapun sekiranya seorang makmum itu lupa (dan membaca Surah Al-Fatihah) atau ia meninggalkannya kerana jahil atau kerana ia yakin terhadap ketidakwajipan (membaca Al-Fatihah) maka ia pun tidak berdosa. (Kerana) sudah dianggap mencukupi bacaan imam ke atas dirinya. (Yang demikian ini) adalah mengikut pendapat jumhur ulama'.

Demikian halnya sekiranya terdapat seorang makmum terlewat dan imam sedang ruku', maka hendaklah makmum tersebut itu ruku' dengan serta-merta mengikuti imam tersebut dan dalam pada itu makmum tersebut telah diambil kira mendapat satu rakaat dan gugurlah (kewajipannya) untuk membaca Surah Al-Fatihah kerana ia tidak berpeluang membacanya.

Ini (berdasarkan) satu ketetapan yang diambil dan hadith Abu Bakrah As-Saqafi (r), sesungguhnya ia datang kepada Nabi (s) yang pada saat itu baginda (s) sedang ruku' dan dengan spontan (tiba-tiba) ia terus mengikut ruku' (tanpa memasuki saf), kemudian setelah itu barulah ia masuk ke dalam barisan saf. Setelah salam dan sembahyang pun selesai baginda Nabi (s) berkata kepadanya, '(Semoga) Allah (s) menambahkan semangat (galakan) kepada kamu, dan janganlah kamu mengulangi (perbuatanmu) itu!'. (Bagaimanapun) baginda Nabi (s) tidak memerintahkannya untuk mengulangi atau mengganti (yakni) menambah satu rakaat lagi. Maksud hadith tersebut telah diriwayatkan oleh Imam Muslim dan Al-Bukhari dalam kitab

sahihnya.

Adapun maksud kata-kata baginda (s), 'Janganlah kamu ulangi (perbuatanmu) itu' adalah janganlah kamu mengulangi dan melakukan ruku' (sebelum) masuk ke dalam barisan saf (sembahyang). Oleh yang demikian boleh diambil kesimpulan bahawa diperintahkan kepada orang yang masuk masjid, di mana saat itu imam sedang ruku' hendaklah ia tidak tergesa-gesa (dan kelam kabut) terus mengikut ruku' tanpa memasuki barisan saf lebih dahulu. Sebaliknya mestilah ia bersabar sehingga sampai (yakni memasuki) barisan saf sekalipun ia telah ketinggalan dari ruku'nya imam. Ini berdasarkan hadith Nabi (s) sebagai berikut: 'Jika kamu semua datang (hendak) mengerjakan sembahyang maka hendaklah berjalan dan mestilah bertenang (tidak tergopoh-gopoh). Maka apa saja yang kamu masih sempat mendapatkannya hendaklah terus sembahyang, dan jika tidak sempat (maknanya ketinggalan) maka sempurnakanlah (setelah imam salam, pent)'. [Al-Bukhari, Muslim]

Adapun hadith 'Barangsiapa ada mempunyai imam (iaitu menjadi makmum), maka bacaan (Fatihahnya) telahpun (ditanggung olehnya)', maka hadith di atas adalah daif yang sama sekali tidak harus dijadikan dalil atau hujah dan dasar hukum menurut pandangan ulama'. Seandainya hadith di atas sahih pun maka bacaan Al Fatihah adalah terkecuali daripadanya. Ini memandangkan terdapat banyak lagi hadith (yang boleh) dijadikan perbandingan.

Berkenaan dengan berdiam sejenak setelah membaca Al-Fatihah, maka sepanjang pengetahuan saya ia tidak terdapat apa-apa yang sahih ke atasnya. Insya Allah perkara ini terdapat kelonggaran (hukum). Jadi, sesiapa yang melakukannya tidak berdosa, demikian pula yang meninggalkannya. Ini kerana tiada didapati sebarang hukum yang sabit daripada Nabi Muhammad (s). Adapun hukum (berupa) hadith yang sabit daripada baginda Nabi (s) hanya ada dua tempat berdiam sebentar. Pertama, berdiam setelah Takbiratul ihram yang juga terus disyariatkan disambung dengan membaca (doa) iftitah, dan kedua, berdiam setelah habis membaca (Al-Fatihah atau surah) dan hendaklah ruku'.

(Adapun yang dimaksudkan) berdiam tersebut adalah diam sebentar yang setakat boleh memisahkan antara membaca (Al-Fatihah atau surah) dengan membaca takbir.

24. [b]Adakah barisan sembahyang itu dimulakan dari sebelah kanan atau dari arah belakang imam? Adakah ia dimestikan sama (seimbang) antara sebelah kanan dan kiri? Dengan seumpama memberikan arahan, 'Samakan saf' sepertimana yang sering dilakukan oleh kebanyakan imam? [/b]

JAWAB: Barisan saf sembahyang seelok-eloknya dimulakan dari arah di mana imam berada (maknanya dari tengah). Sebelah kanan saf adalah lebih utama daripada berada di bahagian kiri saf. Adalah dilarang memasuki (membentuk) saf yang baru sehingga saf yang berada di hadapan penuh dan sempurna. Tiada apa-apa halangan sekiranya bahagian kanan barisan saf itu lebih banyak bilangannya. Adalah tidak perlu menyamakan jumlah bilangan (dalam barisan), sebaliknya perkara itu adalah menyalahi sunnah. Bagaimanapun tidak dibenarkan membentuk barisan kedua selagi yang pertama belum penuh dan sempurna. Janganlah membuat barisan saf yang ketiga sehingga yang kedua belum penuh, dan begitulah seterusnya. Hal ini berdasarkan satu hadith daripada Rasulullah (s) yang memerintahkan untuk berbuat demikian.

25. [b]Jika seorang perempuan telah suci daripada haid pada waktu Asar atau Isya', adakah ia wajib menunaikan salat Zuhur (bersama Asar) dan Maghrib (bersama Isya') sekali dengan mengambil kira bahawa keduanya boleh dilakukan dengan salat Jama`? [/b]

JAWAB: Jika seorang perempuan suci dari haid atau nifas pada waktu Asar maka ia wajib menunaikan dengan salat Zuhurnya sekali menurut pendapat ulama' yang paling sahih. Ini kerana waktu kedua-dua salat itu boleh disatupadukan bagi haknya oleh orang yang mempunya uzur seperti sakit dan musafir. (Dalam pada itu) si perempuan tersebut juga boleh dikategorikan sebagai orang yang sedang uzur yakni dengan sebab waktu sucinya jatuh pada akhir waktu. Demikian juga jika perempuan itu suci pada waktu Isya', maka mestilah ia menunaikan salat Maghribnya sekali. Perkara sedemikian ini juga seperti mana yang telah difatwakan oleh kebanyakan orang dari kalangan sahabat (r).

26. [b]Apakah pandangan Tuan yang mulia tentang (orang) sembahyang fardu di belakang (yakni menjadi makmum) kepada orang yang sembahyang sunat ? [/b]

JAWAB: Adalah tidak ada sebarang halangan (yakni harus hukumnya) bagi orang yang

sembahyang fardu berada di belakang (menjadi makmum) kepada orang yang sembahyang sunat. Ini berdasarkan hadith dari baginda Nabi Muhammad (s) ketika baginda (melakukan) salat khauf. Sesungguhnya baginda telah bersama-sama satu kumpulan mengerjakan sembahyang dua rakaat kemudian salam, seterusnya Nabi Muhammad (s) sembahyang lagi dua rakaat dengan satu kumpulan yang lain dan kemudian salam. Walhal yang pertama tersebut baginda menunaikan salat fardu dan yang kedua adalah mengerjakan salat sunat serta kumpulan kedua yang berada di belakang baginda adalah salat fardu.

(Selain itu) terdapat satu hadith lagi yang termaktub dalam dua kitab sahih dan sahabat Muadh bin Jabal (r). Sesungguhnya beliau ada mengerjakan sembahyang bersama dengan baginda Nabi (s) pada salat Isya' kemudian salam. Setelah itu ia pun kembali kepada kaumnya dan mengerjakan sembahyang buat kali kedua bersama mereka. (Padahal) baginya adalah sembahyang sunat dan kaumnya sembahyang fardu. Adalah dianggap serupa (hukumnya) sekiranya terdapat seseorang yang baru datang (di satu masjid atau surau) dalam bulan Ramadan yang ketika itu para jemaah sedang mengerjakan sembahyang tarawih sedangkan ia belum menunaikan sembahyang Isya'. (Dalam keadaan ini) maka hendaklah dengan serta-merta sembahyang bersama-sama dengan mereka agar mendapatkan fadilat salat jemaah. Maka sebaik sahaja imam salam hendaklah ia berdiri lagi dan menyempurnakan sembahyang fardunya tersebut.

27. [b]Apakah hukum bagi seseorang yang mengerjakan sembahyang dengan niat bersendirian di belakang (dalam barisan) saf jemaah? Jika didapati seseorang yang baru datang masuk ke dalam (jemaah) dan ia tidak mendapati peluang tempat di dalam saf, apakah yang mesti dilakukan orang tersebut? Dan jika ia mendapati seorang kanak-kanak yang belum baligh, adakah ia (diharuskan) membuat (membentuk) satu saf (baru) bersama dengan kanak-kanak tersebut? [/b]

JAWAB: Bagi seseorang yang berniat salat bersendirian berada di dalam barisan salat jemaah adalah hukumnya batal (tidak sah). Ini berdasarkan sabda baginda Nabi (s): Tiada (sah) salat seseorang yang bersendirian berada di belakang saf sembahyang.

Sesungguhnya telahpun terdapat satu hadith daripada Nabi (s) bahawasanya baginda memerintahkan kepada orang yang salat bersendirian berada di belakang saf sembahyang (jemaah) untuk mengulang kembali salatnya, dalam pada itu baginda Nabi (s) tidak menerangkan kepadanya adakah ia mendapati celah-celah di dalam saf (jemaah) dari orang yang tidak mendapatinya. Ini dimaksudkan untuk mengelakkan dari mengambil mudah (yakni memandang remeh) terhadap salat bersendirian di belakang (atau di dalam) saf jemaah.

Bagaimanapun sekiranya seorang makmum yang tertinggal (masbuq) baru datang sedangkan imam ketika itu sedang ruku`, dan seterusnya ia pun ikut ruku` dengan serta-merta bersama dengan imam tersebut tanpa memasuki saf (jemaah) kemudian baru ia memasukinya sebelum sujud maka hal seperti itu dianggap cukup dan sah. Ini berpandukan dengan hadith yang termaktub di dalam kitab Sahih Bukhari dari sahabat Abu Hurairah Abu Bakrah Al-Shaqafi (r), bahawasanya ia datang untuk sembahyang (berjemaah) dan pada saat itu Nabi sedang ruku`, maka ia pun ikut ruku` dengan serta-merta sebelum memasuki saf, dan baru kemudian ia memasukinya. Setelah itu baginda Nabi (s) bersabda kepadanya, 'Semoga Allah (s) memberikan semangat (galakan) kepadamu', dan baginda (s) tidak menyuruhnya untuk menambah (mengganti) satu rakaat.

Adapun bagi orang yang baru datang (dalam salat jemaah) dan waktu itu imam telahpun memulakan salatnya serta ia menunggu seketika sehingga terdapat seseorang yang diajak untuk membuat saf (baru) sekalipun orang tersebut masih kanak-kanak 7 tahun atau lebih. Ataupun ia boleh maju ke hadapan sedikit kemudian membuat saf di sebelah kanan imam. Hal ini seiring dengan (mafhum) dari beberapa hadith. Semoga Allah menunjukkan kepada kaum muslimin terhadap kefahaman agama-Nya dan berpegang teguh ke atasnya. Sesungguhnya Dialah zat yang Maha Mendengar dan Maha Dekat.

28. [b]Apakah bilangan rakaat yang diperolehi oleh seorang makmum masbuq ketika bersarna imam itu dianggap sebagai rakaat yang pertama atau yang terakhir di dalam sembahyang? Sbg contoh (terdapat seorang makmum masbuq yang hanya mendapati dua rakaat dari salat yang mempunyai empat rakaat, adakah ia juga disyariatkan untuk membawa mana-mana surah Al-Quran setelah ia membaca Surah Al-Fatihah? [/b]

JAWAB: Jawapan yang benar adalah: Sesungguhnya apa yang diperolehi makmum masbuq bersama-sama dengan imamnya adalah diambil kira sebagai (rakaat pada awal salatnya. Dan

rakaat-rakaat yang dikerjakan sendiri merupakan bahagian rakaat yang sesudahnya. In berlaku untuk semua jenis salat berdasarkan sabda baginda Nabi (s): 'Jika sembahyang itu telah didirikan, pergilah (kamu untuk menunaikannya) dan hendaklah kamu bertenang. Apa (rakaat) yang kamu masih berpeluang untuk menunaikannya, lakukanlah (sembahyang tersebut) dan apa (rakaat) yang kamu telah tertinggal daripadanya, hendaklah kamu sempurnakan kemudian'. [Al-Bukhari, Muslim]

Dengan demikian, adalah disunatkan untuk membuat ringkas (yakni tidak membaca mana-mana surah dalam Al Quran) pada rakaat yang ketiga dan keempat untuk salat yang mempunyai empat rakaat, dan rakaat yang ketiga bagi salat Maghrib (Maksudnya, pada rakaat-rakaat tersebut hanyalah membaca surah Al-Fatihah sahaja). Ini berdasarkan satu hadith yang termaktub di dalam kitab sahih dua, dari sahabat Abi Qatadah (r) yang berkata sebagai berikut: 'Adalah Nabi (s) di dalam satu sembahyang Zuhur dan Asar pada rakaat pertama masing-masing membaca surah yang panjang dan rakaat yang kedua memendekkannya (membaca surah pendek), dan pada dua rakaat yang akhir hanya membaca surah Al-Fatihah sahaja'.

Dan jika didapati sesetengah golongan sekali-sekala pada rakaat ketiga dan keenipat (dan salat Zuhur atau Asar) menambahkan dengan membaca (mana-mana surah) dalam Al-Quran setelah ia membaca surah Al-Fatihah, maka yang demikian itu juga dianggap baik. Ini berdasarkan satu keterangan (hadith) yang termaktub di dalam kitab sahih Muslim dari Abu Said (r) sesungguhnya ia berkata, 'Adalah baginda (s) ada membaca surah As-Sajadah pada dua rakaat yang pertama salat Zuhur dan pada rakaat terakhir membaca separuh daripadanya. Daripada dua rakaat yang pertama dari salat Asar baginda (s) membaca (mana-mana surah) yang serupa (panjangnya) dengan apa yang telah baginda (s) baca dalam dua rakaat terakhir dari salat Zuhur, daripada dua rakaat yang akhir (dalam salat Asar) baginda (s) membaca setengah / separuh dari kadar (dari dua rakaat pertama dalam salat Asar tersebut).'

Yang demikian ini memberikan kefahaman bahawasanya baginda (s) melakukan (amalan di atas) yakni membaca surah dalam rakaat ketiga dan keempat pada salat Zuhur dan Asar) dengan sekali-sekala sahaja. (Keterangan seperti ini berpandukan dengan pemahaman) dan mafhum kedua-dua hadith (di atas).

29. [b]Disebabkan adanya kesesakan di sesetengah masjid (yang digunakan) untuk sembahyang berjemaah maka sangat penuh dan sampai melimpahlah jemaah dalam masjid tersebut sehingga sesetengah dari mereka terpaksa bersembahyang di jalan-jalan dan di tepi-tepi dengan niat makmum kepada imam. Apakah pandangan Tuan yang mulia terhadap perkara tersebut? Adakah di sana terdapat satu perbezaan antara jalan yang berada di antara tempat orang yang sembahyang dari masjid atau jalan yang terputus? [/b]

JAWAB: Jika barisan saf sembahyang itu masih bersambung maka ia tiada apa-apa halangan (maksudnya adalah tetap sah). Demikian juga sekiranya makmum itu berada di luar kawasan masjid maka hendaklah mereka boleh melihat barisan saf yang berada di hadapan mereka ataupun boleh mendengar suara takbir, sekalipun di antara mereka terpisah dengan suatu jalan maka tetaplah sah dan tidak mengapa. Ini memandangkan kepentingan salat jemaah adalah merupakan suatu kewajipan dan mereka masih berkemampuan dan berpeluang untuk melihat atau mendengar. Bagaimanapun tidak dibenarkan kepada sesiapa pun untuk sembahyang di depan imam, kerana ia bukan tempat makmum untuk mengerjakan salat jemaah.

30. [b]Jika seorang makmum masbuq mendapati seorang imam sedang ruku`, maka apa yang disyariatkan ke atasnya pada saat itu? Dan adakah disyariatkan untuk membaca Subhana rabbiyal azimi sebelum imam bangkit bagi membolehkan rakaatnya dianggap satu rakaat? [/b]

JAWAB: Jika seseorang makmum masbuq mendapati imam sedang ruku`, maka memadailah ia dianggap telah mendapat satu rakaat sekalipun ia tidak sempat membaca tasbih dengan syarat imam belum bangkit (dan ruku`). Ini berpandukan kepada mafhum hadith Nabi (s) secara umum sebagai berikut: 'Sesiapa mendapati satu ruku` daripada salat maka ia telah memperolehi salat tersebut'. [Muslim]

Sebagaimana telah maklum bahawa satu rakaat ini boleh diambil kira dengan berkesempatan mengerjakan ruku` berdasarkan hadith yang dinwayatkan oleh Bukhari di dalam kitab sahihnya yang diriwayatkan dan sahabat Abi Bakrah As-Saqafi (r), yang mana sesungguhnya beliau datang ke Masjidil Nabawi di kala Nabi saw sedang ruku`, kemudian beliau terus mengikut ruku` tanpa memasuki barisan saf lebih dahulu dan ia baru masuk kemudian, maka setelah Nabi (s) salam, baginda berkata kepadanya, 'Semoga Allah menganugerahkan galakan (semangat) kepadamu, dan janganlah kamu ulangi lagi!'. Dalam pada ini baginda (s) tidak menyuruhnya

untuk mengqada (menambah) satu rakaat lagi. Bagaimanapun baginda (s) melarangnya dari mengulangi (perbuatannya tersebut), yakni dengan serta-merta mengikut ruku` tanpa memasuki saf lebih dahulu.

31. [b]Sesetengah imam ada yang menunggu makmum masbuq yang baru masuk agar membolehkan dia mendapat satu rakaat, dan setengah yang lain berpendapat bahawa sikap menunggu tersebut adalah tidak disyariatkan. Manakah satu jalan yang benar? Semoga Allah memberikan taufiq kepada Tuan. [/b]

JAWAB: Jawapan yang benar adalah disyariatkan untuk menunggu buat sementara waktu (yakni sebentar) sehingga si makmum tersebut berpeluang memasuki barisan saf sembahyang.

Ini atas dasar mengikut jejak baginda (s) yang telah berbuat demikian.

32. [b]Jika seorang lelaki menjadi imam kpd dua kanak-kanak atau lebih maka (mana yang lebih baik) sama ada ia menjadikan mereka berada di belakangnya atau di sebelah kanannya? Dan adakah baligh menjadi syarat bagi kanak-kanak itu di dalam barisan saf? [/b]

JAWAB: Dalam keadaan demikian disyariatkan untuk menempatkan mereka berdua di belakang imam seperti mana makmum mukallaf biasa dengan syarat mereka sudah mencapai umur tujuh tahun atau lebih. Demikian juga sekiranya (makmum) tersebut terdiri dan seorang kanak-kanak dan seorang mukallaf maka hendaklah diletakkan di belakang imam. Ini kerana, di kala Nabi (s) berziarah ke rumah nenek Anas, baginda menempatkan Anas dan seorang anak yatim di belakang baginda (s). Adapun jika makmum tersebut hanya seorang sahaja, maka hendaklah ia berada di sebelah kanan imam, sama ada makmum itu orang dewasa atau kanak-kanak. Ini kerana Nabi (s) ketika Saidina Abas (r) membuat saf di sebelah kiri baginda (s) dalam suatu salat malam, kemudian baginda memindahkan kedudukannya ke sebelah kanan baginda (s). Demikian juga (ketika) Saidina Abas (r) bersembahyang dengan Nabi (s) dalam suatu salat sunat baginda menempatkannya di sebelah kanan baginda. Adapun bagi makmum perempuan, hendaklah mereka berada di belakang jemaah lelaki. Tidak harus bagi makmum perempuan berada di sebelah kanan imam atau di sebelah kanan jemaah lelaki. Ini kerana di kala baginda (s) sembahyang dengan Anas dan seorang kanak-kanak yatim, Rasulullah (s) menempatkan Ummu Sulaiman yang juga ibu Anas di belakang mereka berdua.

33. [b]Sesetengah masyarakat berpendapat, bahawa tidak harus mendirikan jemaah lagi di dalam suatu masjid setelah berakhirnya sembahyang berjemaah? Adakah hal ini mempunyai dalil? Dan manakah jawapan yang benar? [/b]

JAWAB: Pendapat tersebut tidak benar dan tidak mempunyai dalil sama sekali di dalam syara` yang benar sepanjang pengetahuan saya. Sebaliknya sunnah yang sahih telah menunjukkan ke atas satu pendapat (keterangan) yang berlawanan dengan pandangan di atas. Iaitu sabda baginda: 'Sembahyang berjemaah itu lebih utama dari salat bersendirian dengan keutamaan dua puluh tujuh kali ganda'. Dan juga sabda Nabi (s): 'Salat seorang lelaki bersama dengan seorang yang lain itu lebih suci berbanding dengan ia mengerjakan salat dengan bersendirian'.

Dan juga berdasarkan sabda baginda (s) ketika beliau melihat seorang lelaki memasuki masjid di mana jemaah telah pun tamat dengan kata baginda, 'Sesiapa yang ingin bersedekah kepada orang ini, maka hendaklah bersembahyang bersamanya'. Bagaimanapun, tidak harus bagi seorang muslim untuk melewat-lewatkan salat berjemaah, sebaliknya wajib ke atasnya untuk bersegera mengerjakannya sebaik sahaja mendengar alunan azan.

34. [b]Jika berlaku pada diri imam, di mana batal wudu?nya di tengah-tengah mengerjakan sembahyang, maka adakah ia perlu menyuruh seseorang untuk menggantikannya bagi menyempumakan salat bersama-sama dengan para jemaah? Atau batalkah sembahyang para jemaah tersebut dengan serta-merta dan menyuruh seseorang untuk mengulang semula bersama-sama mereka dari permulaan sembahyang? [/b]

JAWAB: (Jawapan) yang benar adalah disyariatkan bagi seorang imam tersebut untuk menyuruh salah seorang untuk menggantikannya bagi menyempurnakan salat berjemaah. Hal ini sepertimana berlaku ke atas diri sahabat Umar bin Khattab (r) ketika menjadi imam dan ia mengalami sakit taun (perut). Lantas ia meminta Abdul Rahman bin Auf menggantikannya, kemudian beliaupun menyempurnakan salat Fajar itu bersama-sama dengan jemaah yang lain.

Bagaimanapun sekiranya imam tersebut tidak menunjuk sebarang pengganti, hendaklah salah seorang daripada jemaah yang berada di belakang imam maju ke hadapan bagi menggantikannya dan terus menyempurnakannya bersama-sama dengan ahli jemaah yang lain. Tidak ada apa-apa halangan (yakni harus) sekiranya mereka mengulang semula dari permulaan sembahyang. Ini kerana masalah tersebut terdapat perbezaan pendapat di kalangan ahli ilmu (ulama?). Tetapi pendapat yang paling unggul adalah sesungguhnya si imam itu hendaklah menunjuk seorang pengganti bagi menyempurnakan sembahyang bersama-sama dengan ahli jemaah yang lain. Ini berdasarkan kisah Saidina Uniar bin Khattab (r) seperti mana telah saya terangkan di atas.

Bagaimanapun sekiranya mereka mengulang semula dan awal, adalah harus hukumnya.

35. [b]Adakah (keutamaan) salat jemaah itu diambil kira dengan mendapati imam sehingga salam atau dengan mendapatnya cukup satu rakaat? Jika terdapat sekumpulan orang (jemaah) baru memasuki masjid di mana imam sedang duduk tahiyyat akhir, manakah yang lebih utama bagi mereka, sama ada mereka terus masuk dan sembahyang bersama-sama imam tersebut atau lebib baik mereka menunggu sehingga imam salam dan kemudian mendirikan jemaah sendiri? [/b]

JAWAB: Tidak (diambil kira) sebagai (salat) jemaah kecuali dengan mendapati satu rakaat. Ini berdasarkan sabda baginda (s) sebagai berikut: 'Sesiapa mendapati satu rakaat dan sesuatu salat maka ia telahpun mendapatkan (fadilat) salat (secara penuh).' [Muslim]

Bagaimanapun jika terdapat sebarang uzur ke atas seseorang yang dibenarkan oleh syara` maka ia tetap mendapatkan keutamaan salat jemaah sekalipun ia tidak mendapati satu rakaat bersama-sama dengan imam. Ini berdasarkan sabda baginda (s) sebagai berikut: 'Jika seorang hamba itu sakit atau berpergian maka Allah mencatat amal yang biasa dilakukannya sewaktu ia sihat atau berada di dalam rumah.' [Al-Bukhari]

Hal di atas juga berdasarkan sabda baginda di dalam perang Tabuk sebagai berikut: 'Sesungguhnya di Madinah terdapat satu kaum (sekumpulan orang-orang) yang tidak turut berangkat serta bersama-sama kamu dan mereka tidak ikut berperang bersamamu (namun mereka) tidak wajib membayar denda, serta mereka (pada hakikatnya) tetap bersama-sama kamu (kerana) mereka terhalang dengan sesuatu uzur.' Dalam riwayat lain disebutkan, 'kecuali mereka (tetap bersama-sama) kamu dalam hal sama sama memperolehi pahala.' [Al-Bukhari, Muslim]

Ketika sekumpulan orang mendapati imam (sekalipun) hanya tahiyat akhir maka hendaklah mereka dengan serta-merta (memasuki saf) dan (sembahyang) bersamanya.

lni adalah lebih utama berdasarkan sabda baginda (s) sebagai berikut secara umum: 'Jika kamu semua mendatangi sembahyang maka lakukanlah, dan hendaklah kamu bertenang, apa yang kamu semua boleh mendapatinya maka sembahyanglah dan mana-mana (bahagian) yang kamu ketinggalan daripadanya maka sempurnakanlah kemudian.' [Al-Bukhari, Muslim]

Bagaimanapun sekiranya sekumpulan orang tersebut mendirikan jemaah sendiri (setelah menunggu imam salam) maka insya Allah tiada apa-apa halangan yakni tidak berdosa.

36. [b]Kami ada memperhatikan terdapat sesetengah orang jika ia masuk masjid bagi menunaikan sembahyang Fajar dengan serta-merta ia mengerjakan salat sunat Fajar, padahal salat jemaah telahpun bermula, kemudian barulah ia menyusul kemudian dalam jemaah tersebut, apakah hukum berbuat demikian? Manakah yang lebih utama sama ada ia salat sunat Fajar setelah (jemaah Subuh) dengan serta-merta atau ia mesti menunggu sehingga matahari terbit? [/b]

JAWAB: Tidak harus bagi seseorang yang masuk masjid, menunaikan salat rawatib atau salat sunat tahiyyatul masjid ketika salat jemaah sedang didirikan. Sebaliknya ia wajib terus memasuki salat jemaah bersama-sama dengan imam tersebut. Ini bagi salat hadir (maknanya bukan salat dengan berpergian). Ini berdasarkan sabda baginda Muhammad (s) sebagai berikut: 'Ketika didirikan salat (jemaah) maka tidak ada sebarang salat (dibenarkan) kecuali salat maktubah (salat fardu).' [Muslim]

Hadith ini bersifat umum yakni merangkumi salat Fajar dan juga salat fardu yang lain. Berkenaan dengan salat sunat rawatib tersebut, diberikan pilihan kepadanya sama ada ia melakukannya sebaik sahaja habis salat Fajar atau ia mengakhirkannya sehinggalah matahari (naik) (telah

terbit). Bagaimanapun mengakhirkan adalah lebik utama berdasarkan hadith Nabi (s) yang telah menjelaskan tentang perkara ini.

37. [b] Terdapat seorang lelaki menjadi makmum kepada kami, kemudian ia hanya mengerjakan salam satu sahaja yakni salam yang pertama. Adakah harus (hukumnya) untuk meringkas salam menjadi satu sahaja? Adakah terdapat satu hadith yang menjelaskan tentang perkara tersebut? [/b]

JAWAB: Sebahagian jumhur ulama' berpendapat bahawa memadai mengerjakan salam yang pertama sahaja. Ini berdasarkan atas sebahagian dari hadith-hadith yang menerangkan tentang perkara tersebut. Bagaimanapun sebilangan besar dan ahli ilmu berpendapat bahawasanya dimestikan mengerjakan kedua-dua salam tersebut, berdasarkan ketetapan dan beberapa hadith Nabi (s) dan juga berdasarkan sabda baginda (s) sebagai berikut: 'Sembahyanglah kamu semua sepertimana kalian melihat aku (dalam) mengenjakan sembahyang.' [Al-Bukhani]

Pendapat yang terakhir ini adalah yang lebih benar.

Adapun pendapat yang mengatakan telah memadai dengan salam yang pertama itu adalah pendapat yang lemah. Ini disebabkan kerana hadith-hadith yang menerangkan tentang hal itu dianggap sebagai hadith-hadith yang daif dan tidak adanya penjelasan mengenai hadith-hadith itu di dalam (masalah) yang dicari, jika ia sahih pun, maka mestilah ia disifatkan sebagai hadith-hadith yang syaz (yakni) bertentangan dengan hadis yang leblh sahih dan lebih jelas. (Bagaimanapun) orang yang berbuat demikian (yakni mengerjakan salam yang pertama sahaja) kerana kebodohannya, atau kerana yakin akan kesahihan hadith-hadith yang menerangkan tentang perkara tersebut, maka sembahyangnya tetaplah dianggap sah.

38. [b] Seorang imam sembahyang bersama-sama dengan ahli jemaah tanpa air sembahyang kerana lupa. Bagaimana hukum sembahyang tersebut dalam keadaan-keadaan seperti di bawah:

1. Jika imam tersebut ingat (sedar) (bahawa ia belum berwudu') di tengah-tengah mengerjakan sembahyang.
2. Jika ia baru ingat setelah salam dan ahli jemaah belum bersurai.
3. Jika ia baru ingat dan ahli jemaah telah pun bersurai. [/b]

JAWAB: Jika ia tidak ingat kecuali setelah salam maka salat jemaahnya adalah tetap sah dan ahli jemaah tidak perlu mengulangi sembahyangnya (iadah). Adapun bagi diri imam tetap wajib melakukan iadah sendiri.

Adapun jika ia ingat di tengah-tengah mengerjakan sembahyang, maka hendaklah ia menunjuk seseorang untuk menggantikannya dan seterusnya menyempurnakan sembahyang tersebut bersama-sama dengan ahli jemaah yang lain. Ini menurut pendapat yang paling sahih di kalangan ulama' berdasarkan ke atas kisah Saidina Umar bin Khattab (r) ketika ia sakit taun kemudian ia meminta Abdul Rahman bin Auf (r) untuk menggantikannya dan beliaupun terus menyempurnakan sembahyang jemaah bersama-sama dengan ahli jemaah tanpa mengulang dari permulaan.

39. [b] Sepertimana telak dimaklumi, bahawa kedudukan makmum jika ia hanya seorang maka ia berada di sebelah kanan imam, adakah disyariatkan ke atasnya untuk berada di belakang sedikit daripada imam sepertimana yang dilakukan oleh sesetengah orang? [/b]

JAWAB: Disyariatkan ke atas makmum tunggal untuk berdiri sejajar dengan imam di sebelah kanannya. Tidak ada sebarang dalil yang menjelaskan ke atas pendapat yang menyalahi (ketetapan) tersebut.

40. [b] Jika seseorang yang sedang mengerjakan sembahyang merasa syak (ragu-ragu) - adakah ia telah melakukan tiga rakaat atan empat rakaat, maka apakah yang perlu ia lakukan? [/b]

JAWAB: Jika ia merasa ragu-ragu maka wajib ke atasnya untuk memilih dan menentukan (bilangan) yang lebih diyakini. (Dalam hal ini) yang lebih diyakini adalah bilangan rakaat yang paling sedikit. Menerusi contoh di atas hendaklah ia meyakini (bahawa ia baru melakukan tiga rakaat) dan mesti menambahkan rakaat yang keempat (jika ia mengerjakan sembahyang yang mempunyai empat rakaat) kemudian lakukanlah sujud sahwi dan terus salam. Ini berdasarkan sabda baginda Nabi (s) sebagai berikut: 'Jika salah satu di antara kamu mengalami ragu-ragu

ketika sedang melakukan sembahyang, dan ia tidak sedar (akan bilangan rakaatnya) adakah ia telah salat tiga rakaat atau empat rakaat, maka hendaklah ia membuang apa yang diragui itu dengan memilih ke atas apa yang lebih ia yakini kemudian hendaklah ia sujud sahwi dua kali sujud sebelum ia mengerjakan salam. Maka jika ternyata ia telah salat sebanyak lima rakaat, tetaplah diterima sembahyangnya, dan jika ia sembahyang dalam keadaan sempurna, maka (kedua-duanya) tersebut sangat membuat kemarahan bagi syaitan.' [Muslim dari sahabat Said Al Hudriyyi (r).]

Adapun jika salah satu dari dua perkara (yakni sama ada kurang atau sudah sempurna) itu mengatasi dzan (persangkaannya), maka hendaklah ia mengambil keputusan untuk memenangkan (memilih) dzan (persangkaannya) kemudian ia salam dan diteruskan dengan melakukan sujud syahwi dua kali kerana lupa setelah salam. Ini berdasarkan sabda Nabi Muhammad (s): 'Jika salah seorang di antara kamu mengalami keraguan di dalam sembahyang, maka hendaklah ia memenangkan (memilih) yang lebih benar kemudian menyempurnakannya dan melakukan sujud (sahwi) dua kali setelah salam.' [Al-Bukhari dari sahabat Ibnu Mas`ud (r)]

41. [b] Sesetengah imam mengerjakan sujud sahwi setelah salam, sesetengah yang lain melakukannya sebelum salam, dan ada juga yang melakukannya sekali sebelum salam dan sekali setelah salam. Bilakah disyariatkannya sujud tersebut sebelum salam? Dan bila (dikerjakannya) setelah salam? Dan adakah apa-apa hukum (sama ada) wajib atau sunat yang memerintahkan agar sujud dikerjakan sebelum atau setelah salam? [/b]

JAWAB: Adalah perkara tersebut (diberikan) satu kelonggaran (pilihan). Masing-masing dari keduanya yakni melakukan sujud sebelum salam atau setelahnya, hukumnya adalah harus. Kerana masing-masing telahpun ada hadith yang menjelaskannya dari Rasulullah (s). Bagaimanapun yang lebih utama adalah mengerjakan sujud tersebut sebelum salam kecuali dalam dua keadaan iaitu:

Pertama: Jika seseorang telah salam dan baru sedar bahawa ia kurang satu rakaat atau lebih. Dalam pada itu yang lebih utama adalah ia melakukan sujud sahwi setelah menyempurnakan sembahyang (yakni dengan menambah satu rakaat atau lebih jika yang kurang itu lebih dan satu rakaat). Ini mengikut perbuatan Nabi (s) dalam melakukan hal tersebut. Sesungguhnya pernah berlaku ke atas baginda (s) ketika beliau telahpun selesai salam (dan ternyata baginda baru sedar) bahawa ia kurang dua rakaat. (Ini diterangkan menerusi hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r). (Dan juga satu peristiwa yang mana) Nabi (s) kurang satu rakaat (menerusi hadith yang diriwayatkan oleh Amran bin Husain r), (dalam pada itu) baginda (s) mengerjakan sujud sahwi setelah menyempurnakan sembahyang (yakni setelah) salam.

Kedua: Jika seseorang merasa ragu-ragu di dalam sembahyangnya, dan ia tidak tahu (tidak sedar) sama ada ia telah salat tiga rakaat atau empat rakaat di dalam sembahyang empat rakaat, (atau ia tidak sedar sama ada) telah melakukan dua rakaat atau tiga rakaat di dalam salat Maghrib, atau ia (tidak sedar) sama ada telah melakukan satu rakaat atau dua rakaat di dalam salat Subuh, dan dalam pada itu salah satu dan dua perkara yakni kurang atau telah sempurna lebih mengatasi ke atas dzan (persangkaannya), maka hendaklah ia memutuskan berdasarkan apa-apa yang dapat mengatasi dzannya tersebut, kemudian hendaklah ia melakukan sujud sahwi setelah salam bagi mencapai taraf fadhilat (keutamaan). Ini berdasarkan hadith Ibnu Mas`ud sepertimana yang telah disebutkan di dalam jawapan sebelum ini.

42. [b] Jika seorang makmum masbuq mengalami lupa, apakah ia (disunatkan) sujud sahwi? Dan bila masanya ia melakukannya? Dan adakah wajib ke atas makmum untuk melakukan sujud ketika ia lupa? [/b]

JAWAB: Tidak wajib ke atas makmum untuk melakukan sujud sahwi sekiranya ia mengalami lupa, sebaliknya ia wajib mengikut imamnya jika ia mengikut imam tersebut dari peringkat permulaannya. Adapun bagi makmum masbuq ia harus mengerjakan sujud sahwi sama ada kerana ia lupa bersama-sama dengan imamnya atau ia lupa dengan sendirinya setelah ia menyempurnakan sembahyangnya mengikut ketentuan yang diterangkan di dalam jawapan-jawapan sebelum ini.

43. [b] Apakah diperintahkan sujud sahwi pada keadaan yang berikut:
1. Jika seseorang membaca mana-mana surah dari Al-Qur'an dalam dua rakaat yang akhir bagi salat yang berbangsa empat rakaat?
2. Jika membaca subhana rabbiyal aziimi pada waktu sujud misalnya?
3. Jika ia membaca jahar (menyaringkan suara) pada salat yang semestinya bersifat sirriyah

(salat yang dikerjakan dengan suara yang perlahan atau dengan nada lemah) atau sebaliknya? [/b]

JAWAB: Jika seseorang lupa dari membaca didapati telah lupa membaca mana-mana surah dari Al-Qur'an pada dua rakaat yang akhir dalam salat yang berbangsa empat rakaat, maka ia tidak diperintahkan melakukan sujud sahwi. Ini berdasarkan atas satu hadith Nabi (s) yang menerangkan bahawa kadang-kadang baginda (s) menambahkan bacaan (yakni membaca mana-mana surah) setelah membaca Al-Fatihah pada rakaat ketiga dan keempat dalam salat Zuhur. Dan juga telah sampai satu berita di mana baginda (s) memuji seorang amir yang membaca surah Al-Ikhlas pada semua rakaat setelah membaca surah Al-Fatihah. Bagaimanapun hendaknya perlu diketahui pula bahawa baginda (s) kadang-kadang tidak membaca mana-mana surah selain Al-Fatihah sahaja pada rakaat ketiga dan keempat seperti mana yang terkandung dalam keterangan hadtith yang termaktub di dalam ktiab sahih dua dari hadithnya sahabat Abi Qatadah (r).

Telahpun terdapat satu berita yang kuat dari al-Siddiq (r) bahawa baginda (s) membaca ayat ke-8 dari surah Ali Imran setelah baginda membaca surah Al-Fatihah pada rakaat ketiga di dalam salat Maghrib. Semua penjelasan tersebut menunjukkan bahawa perkara-perkara di atas mendapat kelonggaran dan diberikan satu alternatif.

Adapun orang yang membaca mana-mana surah atau ayat dari Al-Qur'an ketika ruku` atau sujud maka nehdaklah ia mengerjakan sujud sahwi. Ini kerana tidak harus (dengan sengaja) untuk membaca mana-mana surah atau ayat ketika ruku` atau sujud. Kerana baginda (s) telahpun melarang dari berbuat demikian. Jika ia membacanya dalam keadaan lupa ketika ruku` atau sujud, maka wajib ke atasnya untuk melakukan sujud sahwi. Demikian juga jika seorang lupa ketika di dalam ruku` membaca subhana rabbiyal a`la sebagai memnggantikan bacaan subhana rabbiyal aziimi, atau sebaliknya, maka wajib ke atasnya untuk melakukan sujud sahwi. Ini kerana ia telah meninggalkan yang wajib kerana lupa. Adapun jika ia mengumpulkan kedua-duanyua di dalam ruku` atau sujud kerana lupa, maka tidak wajib ke atasnya untuk melakukan sujud sahwi. Bagaimanapun seikrianya ia melukukan sujud sahwi juga harus hukumnyua berdasarkan mafhum dari dalil itu secara umum. Yang demikian ini berlaku ke atas imam, orang yang salat bersendirian dan juga makmum masbuq.

Adapun bagi makmum ygang mengikuti imam sejak dari mula sembahyang, maka ia harus melakukan sujud sahwi di dalam masalah-masalah tersebut melainkan ia tetap wajib mengikut imam. Demikian juga jika seorang yang menyaringkan suara di dalam salat yang sepatutnya dibaca perlahan, atau sebaliknya, maka ia tidak wajib melakukan sujud sahwi. Ini kerana sesungguhnya baginda (s) pernah memperdengarkan bacaan ayat di dalam surah sirriyyah kepada para sahabat sekali sekala.

44. [b] Sesetengah orang beranggapan bahawa jama` dan qasar adalah dua perkara yang lazim (yakni mesh dilakukan sekaligus). Maka tidak ada jama` (dibenarkan) kecuali dengan melakukan qasar sekali dan tidak dibenarkan mengqasar salat tanpa melakukan jama` sekaligus. Apakah pandangan Tuan yang mulia terhadap perkara-perkara tersebut?

Manakah yang lebih utama bagi seorang musafir, mengqasar salat tanpa menjama`nya atau menjama`nya dan mengqasar salat sekaligus? [/b]

JAWAB: Sesiapa yang diharuskan oleh Allah (s) untuk mengqasarkan salat yakni para musafir, maka ia juga harus hukumnya untuk menjama`nya sekali. Bagaimanapun kedua-dua perkara tersebut bukanlah satu kelaziman (yakni mesti dilakukan kedua-duanya sekali). Bagi musafir ia harus untuk mengqasar tanpa menjama`nya. Baginya meninggalkan jama` adalah lebih utama sekiranya ia akan singgah (atau menetap sementara di dalam perjalanan). Ini seperti mana yang dilakukan oleh baginda (s) di Mina ketika peristiwa Haji Wida'. Baginda ketika itu melakukan qasar tetapi tidak menjama` salat. Bagaimanapun baginda ada menjama` dan mengqasar salat sekaligus pada waktu Perang Tabuk. (Hal yang demikian ini) menunjukkan bahawa terdapat kelonggaran (alternatif) dalam masalah-masalah tersebut. Adalah baginda (s) selalu melakukan qasar dan jama` sekali jika baginda (s) berpergian sepanjang malam yang tidak singgah di mana-mana tempat. Melakukan jama` adalah lebih luas (ruang lingkupnya) dan lebih longgar tentang kerukhsahannya. Ia juga harus dilakukan oleh sesetengah orang yang sedang sakit dan juga harus dilakukan oleh kaum muslimin ketika berada di dalam masjid mereka di saat-saat adanya hujan lebat. Mereka harus untuk melakukan salat jama` antara Maghrib dan Isya' atau antara Zohor dan Asar. Bagaimanapun sama sekali mereka tidak diharuskan melakukan qasar. Ini kerana salat qasar itu hanya khas diperuntukkan bagi orang-orang yang sedang bermusafir sahaja.

45. [b] Jika didapati seseorang masih di dalam rumah, padahal waktu sembahyang telah pun masuk, lantas ia berangkat pergi sebelum menunaikan salat, adakah dalam keadaan seperti itu ia diharuskan melakukan qasar atau jama`? Demikian halnya, jika seseorang telah melakukan sembahyang Zohor dan Asar dengan jama` dan qasar, kemudian ia telah sampai di rumahnya di kala waktu Asar (masih ada), adakah apa yang telah dilakukan tersebut benar di segi hukum syara` dalam pada itu, ia mengetahui bahawa ia akan sampai di rumahnya pada waktu yang kedua masih ada ketika sedang melakukan jama` dan qasar di atas? [/b]

JAWAB: Jika waktu salat telah masuk, dan masa itu ia masih berada di rumah, kemudian ia berangkat berpergian sebelum menunaikan sembahyang tersebut, maka ia diharuskan mengqasar salat jika ia akan melewati negara (tempat) yang ramai penghuninya menurut pendapat ulama' yang paling sahih. Pendapat itu juga merupakan pendapat dan jumhur ulama'.

46. [b] Apa pandangan tuan yang mulia tentang berpergian yang diharuskan untuk melakukan salat qasar? Adakah ia terdapat satu had (ketentuan) yang jelas mengenai jarak (perjalanan yang ditempuh)? Dan apa pandangan tuan yang mulia tentang orang yang berniat mukim (menetap) di tengah-tengah perjalanannya melebihi empat hari? Adakah ia masih diberi kelonggaran untuk mengqasarkan salat? [/b]

JAWAB: Jumhur ulama' berpendapat bahawa had dari seseorang (dianggap) sebagai musafir sehingga diharuskan menjama' dan mengqasar salat adalah dinisbahkan dengan penjalanan sehari semalam dengan kenderaan unta. Atau perjalanan yang mempunyai jarak lebih 80 km. Ini kerana perjalanan tersebut telahpun diambil kira sebagai jarak dari satu perjalanan yang (membolehkan subjek berkenaan) dinamakan sebagai seorang musalir. Jumhur ulama' juga berpendapat bahawa orang yang berazam dan berkehendak untuk bermukim melebihi empat hari sudah wajib menyempurnakan semula di dalam melakukan sembahyangnya (yakni tidak harus lagi untuk menjama` dan mengqasar salat), (demikian juga) ia telah wajib untuk menunaikan puasa Ramadan. Jika masa berpergian tersebut kurang dari empat hari maka ia masih harus hukumnya untuk melakukan qasar dan jama` serta berbuka (puasa pada bulan Ramadan). Kerana mengikut hukum asal hak bagi orang yang bermukim itu adalah menyempurnakan dan ia akan diharuskan untuk melakukan jama` dan qasar di sisi syariat jika ia menjadi seorang musafir.

Adalah telah terdapat satu hadith dari Nabi (s) sebagai berikut:

"Sesungguhnya Nabi Muhammad (s) telah bermukim di kala melakukan Haji Wida' selama empat hari dan baginda melakukan qasar dalam sembahyangnya, kemudian baginda berangkat menuju ke Mina dan Arafah".

Maka hadith di atas menunjukkan bahawa harus (hukumnya) untuk melakukan qasar bagi orang yang berazam untuk bermukim selama empat hari atau kurang daripadanya.

Adapun bermukimnya baginda (s) selama 9 daripada peristiwa pembukaan kota Mekah, dan juga bermukimnya baginda selama 20 hari pada peristiwa Perang Tabuk, maka ia mengandungi pengertian bahawa sesungguhnya baginda (s) tidak menghimpunnya yakni tidak berazam untuk bermukim. Ini disebabkan baginda (s) tidak mengetahui bila ia akan berakhir. Yang demikian itu jumhur ulama' menganggap yakni mentakwilkan ke atas bermukimnya Nabi (s) pada pembukaan kota Mekah dan pada perang Tabuk hanya setakat sebagai langkah berhati-hati terhadap (hukum-hukum) agama dan tetap berpegang kepada hukum asal.

Adapun yang demikian tetap berpegang kepada hukum asal adalah tetap mewajibkan ke atas orang-orang yang bermukim untuk melakukan empat rakaat dalam salat Zohor, Asar dan Isya'. Adapun sekiranya ia tidak menghimpunnya yakni tidak menganggapnya untuk bermukim, lebih-lebih lagi ia tidak mengetahui bila masanya ia akan berangkat maka ia tetap diharuskan untuk melakukan jama`, qasar dan berbuka puasa sehinggalah ia boleh mengambil kira ke atas bermukimnya itu lebih dan empat hari atau sehinggalah ia kembali pulang ke tempat tinggalnya.

47. [b] Apa pendapat Tuan yang mulia tentang mengerjakan sembahyang jama` kerana ada hujan antara Maghrib dan Isya' (bagi waktu hadir, yakni tidak dalam berpergian) di bandar-bandar, (sedangkan) di sepanjang jalan terdapat tempat-tempat beribadah yang tersusun rapi serta (cuaca) terang-benderang (yakni tidak terdapat sebarang masyakat/kesukaran) dan juga tidak dalam suasana kotor? [/b]

JAWAB: Menurut pendapat yang paling kuat di kalangan ulama', memang tiada halangan (yakni harus) hukumnya mengerjakan jama` antara Maghrib dan Isya', dan antara Zohor dan Asar di kala sedang hujan yang menyebabkan adanya sebarang masyakat (kesukaran) itu adalah disebabkan dengan adanya tempat-tempat licin dan air-air kotor yang mengalir di pasar-pasar.

Adapun dalil bagi (keterangan) di atas adalah hadith yang terdapat di dalam kitab sabib dua yang diceritakan dan Ibnu Abbas (r) sebagai berikut: 'Sesungguhnya Nabi (s) mengerjakan salat jama` di Madinah antara salat Zohor dan Asar serta antara Maghrib dan Isya'.' Imam Muslim menambahkan di dalam riwayatnya sebagai berikut, '...dengan tanpa adanya takut dan hujan serta berpergian'.

(Pernyataan tersebut) menunjukkan bahawa telahpun (menjadi satu ketetapan) menurut para sahabat bahawa takut atau hujan adalah tergolong sebagai (faktor) keuzuran di dalam menjama` sembahyang sepertimana ia menjadi keuzuran di dalam berpergian. Bagaimanapun tidak harus untuk melakukan qasar pada keadaan-keadaan seperti di atas, melainkan ia hanya diharuskan untuk menjama` sahaja. Ini kerana keberadaan mereka adalah sebagai orang-orang yang bermukim dan bukan orang-orang yang bermusafir. (Dan perlu diketahui) bahawa mengqasarkan salat adalah hanya diberikan kelonggaran ke atas orang yang berpergian sahaja.

48. [b]Adakah niat menjadi syarat bagi membolehkan mengerjakan jama`? Maka (didapati) ramai orang yang tidak melakukan salat Maghrib tanpa dengan niat jama`, tiba-tiba setelah salat Maghrib para jemaah mengadakan satu mesyuarat dan mengambil keputusan untuk melakukan jama` kemudian mereka mengerjakan jama` sekali dengan salat Isya' (yakni dijama`kan sekali dengan Maghrib tersebut)? [/b]

JAWAB: Para ulama' berbeza pendapat terhadap perkara tersebut. Bagaimanapun pendapat yang lebih unggul adalah bahawa niat itu tidak disyaratkan (untuk diniatkan) di dalam pembukaan salat yang pertama, melainkan harus hukumnya meletakkan niat tersebut setelah (tamatnya) waktu salat yang pertama, ini jika terdapat apa-apa uzur seperti takut, sakit atau hujan.

49. [b]Apakah hukumnya berturut-turut yakni serentak di antara dua salat (dalam mengerjakan salat jama`) di mana terdapat kelewatan sedikit (sehingga) ia boleh dinisbahkan sebagai terpisah di antara dua salat? [/b]

JAWAB: Adalah wajib melakukan berturut-turut (dengan serentak) di dalam mengerjakan jama` taqdim. (Bagaimanapun) tidaklah menjadi halangan jika terdapat kelewatan sedikit. Ini kerana terdapat satu hadith yang menerangkan hal demikian daripada Nabi (s) dan Nabi (s) telahpun bersabda sebagai berikut yang ertinya. 'Sembahyanglah kamu sepertimana kamu melihat aku ketika mengerjakan sembahyang'. Yang betul adalah bahawa niat itu bukanlah menjadi sebarang syarat sepertimana telah dijelaskan pada soalan di atas.

Adapun jika melakukan jama` ta'khir, maka ianya terdapat banyak kelonggaran, kerana sembahyang yang kedua boleh dikerjakan pada bila-bila selagi masih di dalam waktunya. Bagaimanapun dilakukan serentak (yakni berturut-turut) adalah lebih utama. (Hal ini dilakukan) atas dasar mengikut kepada baginda Nabi (s) yang telah berbuat demikian.

50. [b]Jika kita sedang berpergian kemudian melewati sebuah masjid pada waktu Zohor contohnya, apakah kita dikehendaki dalam erti kata digalakkan bersembahyang Zohor dengan berjemaah, dan kemudian kita salat Asar dengan mengqasarnya? Atau kita (lebih baik) mengerjakan sembahyang tersebut dengan bersendirian sahaja.

Dan adakah sekiranya kita sembahyang dengan berjemaah (walhal) kita mahukan melakukan jama` dengan salat Asarnya sekali yang juga kita mahukan mengerjakannya dengan serta-merta (yakni berturut-turut) selepas salam bagi tujuan Al-Muwalah (yakni dengan berturut-turut) ataupun kita akan membaca zikir, tasbib, tahlil dan barulah kita lakukan salat Asar? [/b]

JAWAB: Adalah yang lebih utama bagi kalian hendaklah mengerjakan salat tersebut (dengan mengadakan jemaah sendiri) secara qasar. Ini kerana bagi seseorang musafir mengerjakan qasar adalah sunat hukumnya, dan sekiranya kamu semua salat bersama-sama dengan jemaah yang terdiri dari muqimin (penduduk tempatan maksudnya), maka kamu semua diwajibkan untuk mengerjakan secara itmam (yakni dengan rakaat yang penuh). Ini disebabkan telah terdapat satu hadith yang menjelaskan terhadap perkara itu. Jika kalian mengkehendaki jama` maka disyariatkan ke atas kalian untuk melakukannya dengan segera. Ini dimaksudkan untuk

mengamalkan sunnah (sila rujuk jawapan pada soalan di atas) setelah setakat membaca istighfar dan zikir pendek setelah sembahyang.

Tetapi jika musafir itu seorang sahaja maka wajib ke atasnya untuk mengikuti salat berjemaah dengan para muqimin dan menyempurnakan salatnya. Ini kerana, "menunaikan salat berjemaah adalah tergolong satu perkara wajib, dan mengqasar salat adalah satu perkara sunnah sahaja yang dituntut oleh syara`" dan (hendaklah dimaklumi) bahawa mendahulukan yang wajib ke atas yang sunnah adalah satu perkara yang mesti (dilakukan oleh setiap individu muslim).